



# 4

## KEWANGAN SEKTOR AWAM

LAPORAN EKONOMI **2013/2014**



# Kewangan Sektor Awam

## Tinjauan

*Jawatankuasa Dasar Fiskal mengukuhkan kewangan sektor awam*

Ketidaktentuan dalam persekitaran luar terus memberikan cabaran kepada pelaksanaan dasar fiskal pada 2013. Sebagai sebuah ekonomi terbuka dan bergantung kepada perdagangan, Malaysia menerima kesan daripada permintaan luar yang lemah, harga komoditi yang sederhana dan volatiliti pasaran kewangan global. Pada 2013, sumber fiskal disalurkan untuk menjana pertumbuhan yang berkualiti dan inklusif; mempergiatkan aktiviti pelaburan; mengukuhkan pendidikan dan latihan; meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam serta menggalakkan budaya inovasi bagi meningkatkan produktiviti. Langkah ini dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhan, menggalakkan potensi pengeluaran ekonomi domestik serta memperkukuhkan kewangan Kerajaan.

Keperluan perbelanjaan telah dinilai semula dengan mengambil kira komitmen baharu serta keupayaan jabatan Kerajaan untuk melaksanakan projek yang dirancang. Perbelanjaan tambahan bersih bagi 2013 berjumlah RM11.6 bilion masih boleh ditampung melalui kutipan hasil yang lebih tinggi dan faedah penambahbaikan pengurusan perbelanjaan Kerajaan. Perbelanjaan tambahan tersebut adalah untuk membiayai, antara lain, pemberian tunai; subsidi bahan api; pelarasan gaji dan pencen bagi penjawat awam dan pesara; penambahbaikan skim imbuhan Angkatan Tentera serta penyelenggaraan dan utiliti.

Walaupun menanggung perbelanjaan yang lebih tinggi pada 2013, Kerajaan tidak akan berkompromi dengan prinsip asas yang telah ditetapkan dan sentiasa dipantau bagi memastikan

kedudukan kewangan awam yang kukuh. Prinsip ini termasuk, antara lain, sentiasa mengekalkan lebihan semasa dalam perbelanjaan Kerajaan; mengurangkan defisit fiskal kepada hampir 3% pada 2015; bergerak ke arah bajet berimbang pada 2020; dan memastikan hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Perbelanjaan akan dilaksanakan secara berhemat dan bagi tujuan produktif. Rasionalisasi subsidi gula dan bahan api telah diteruskan semula. Dalam menuju ke arah Kerajaan yang lebih keajaiban, saiz perkhidmatan awam terus dikawal melalui penempatan semula kakitangan; pelaksanaan tugas yang pelbagai; penggunaan teknologi maklumat (IT) secara intensif; dan kerjasama antara agensi yang lebih erat melalui inisiatif seperti Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) untuk mengoptimumkan penggunaan sumber tanpa menjejaskan kualiti hasil. Projek dipantau rapi bagi memastikan pelaksanaan mengikut jadual bagi mengelakkan pertambahan kos.

Langkah berterusan untuk mengukuhkan kewangan Kerajaan akan memastikan objektif fiskal jangka pendek dapat dicapai. Sementara itu, bagi memastikan kewangan sektor awam yang kukuh dalam jangka panjang, pembaharuan struktur dan pengurusan sumber fiskal secara lebih strategik adalah penting. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) dan Pejabat Dasar Fiskal (FPO) pada pertengahan Jun 2013. FPC akan bertanggungjawab ke atas pengurusan fiskal negara. Mandat FPC termasuk merangka strategi untuk mengukuhkan kewangan sektor awam serta memastikan kemampunan fiskal dan kestabilan makroekonomi jangka panjang. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan ahli-ahlinya terdiri daripada beberapa Menteri Kabinet,

Ketua Setiausaha Negara dan ketua agensi pusat utama. FPC yang dijangka bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun, akan disokong oleh FPO dalam melaksanakan mandatnya. FPO, di bawah Kementerian Kewangan, akan diperkukuhkan dan akan mengetuai kumpulan kerja teknikal antara agensi, termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) dan Unit Perancang Ekonomi (UPE) serta agensi lain, bila perlu. Kumpulan kerja teknikal ini dijangka bermesyuarat setiap suku tahun. Selain itu, FPO juga akan menganalisis rangka kerja fiskal jangka sederhana; penilaian risiko fiskal; pengurusan hutang serta penglibatan secara aktif dengan institusi kewangan antarabangsa, agensi penarafan, pengurus dana dan penganalisis.

Pada 2013, konsolidasi fiskal akan diteruskan dengan menyokong dasar bagi merencanakan pertumbuhan dan daya tahan ekonomi dalam negeri. Oleh itu, defisit Kerajaan Persekutuan akan terus dikurangkan daripada 4.5% pada 2012 kepada 4.0% daripada KDNK pada 2013. Berikutan cabaran ini, sektor awam dijangka berkembang 6.5%, menyumbang 1.6 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK (2012: 10.3%; 2.4 mata peratusan). Oleh itu, bahagian sektor awam kepada KDNK kekal tinggi sebanyak 24.9% (2012: 24.5%).

## Kerajaan Persekutuan

### *Komitment ke arah konsolidasi fiskal*

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada 2013 dijangka berkembang 3.5% kepada RM261.3 bilion, pertumbuhan paling perlahan sejak 2010, walaupun dengan komitmen yang lebih tinggi. Prestasi hasil dijangka kekal kukuh di sebalik kelembapan persekitaran luar. Keadaan ini memberi ruang kepada Kerajaan untuk mengukuhkan lagi kewangannya dan memastikan hutang Kerajaan Persekutuan kekal mampan.

## Hasil

### *Kutipan hasil yang stabil*

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2013 dijangka kekal kukuh dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi domestik yang berterusan. Jumlah kutipan hasil dijangka meningkat 6% kepada RM220.4 bilion atau 22.3% daripada KDNK (2012: 12.1%; RM207.9 bilion; 22.1%), disokong oleh aktiviti pelaburan dan penggunaan yang berterusan serta harga minyak mentah yang kukuh. Walaupun hasil bukan cukai dijangka kekal stabil pada RM56.9 bilion, hasil cukai dijangka meningkat

JADUAL 4.1

### Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2012 – 2014

|                                 | RM juta        |                   |                   | Perubahan (%) |                   |                   |
|---------------------------------|----------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|
|                                 | 2012           | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> | 2012          | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> |
| Hasil                           | 207,913        | 220,422           | 224,094           | 12.1          | 6.0               | 1.7               |
| Perbelanjaan mengurus           | 205,537        | 216,184           | 217,651           | 12.6          | 5.2               | 0.7               |
| <b>Baki semasa</b>              | <b>2,376</b>   | <b>4,238</b>      | <b>6,443</b>      |               |                   |                   |
| Perbelanjaan pembangunan kasar  | 46,932         | 45,065            | 44,500            | 1.1           | -4.0              | -1.3              |
| Tolak: Terimaan balik pinjaman  | 2,606          | 1,574             | 949               |               |                   |                   |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 44,326         | 43,491            | 43,551            | -2.2          | -1.9              | 0.1               |
| <b>Baki keseluruhan</b>         | <b>-41,951</b> | <b>-39,253</b>    | <b>-37,108</b>    |               |                   |                   |
| <b>% daripada KDNK</b>          | <b>-4.5</b>    | <b>-4.0</b>       | <b>-3.5</b>       |               |                   |                   |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2014.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

7.8% kepada RM163.5 bilion, menyumbang 74.2% kepada jumlah hasil (2012: 12.4%; RM151.6 bilion; 72.9%). Hasil cukai kekal tinggi pada 16.6% daripada KDNK, sebahagiannya disebabkan oleh usaha pentadbiran yang berterusan untuk mengembangkan asas hasil.

**Cukai langsung** dijangka meningkat 8.6% kepada RM127 bilion (2012: 14.4%; RM116.9 bilion) terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan dua angka dalam cukai pendapatan syarikat dan individu kepada RM60.4 bilion dan RM26.4 bilion (2012: RM51.3 bilion; RM23 bilion). Prestasi yang kukuh ini disebabkan oleh guna tenaga yang stabil, pertumbuhan upah yang mampan dan keberuntungan korporat yang berterusan. Tambahan kenaikan gaji yang diberikan kepada kakitangan awam berkuat kuasa Julai 2013 juga dijangka menyumbang kepada terimaan cukai yang

lebih tinggi. Di bawah Bajet 2013, hampir 170,000 pembayar cukai individu dijangka dikeluarkan daripada jaringan cukai berikutan penurunan satu mata peratusan bagi setiap kumpulan pendapatan bercukai tahunan RM2,501 hingga RM50,000 dan dijangka tidak akan menjejaskan kutipan hasil.

Hasil daripada cukai pendapatan petroleum (PITA) dianggarkan menurun 10.1% kepada RM30.5 bilion (2012: 22.3%; RM33.9 bilion) disebabkan harga eksport yang lebih rendah walaupun pengeluaran minyak mentah lebih tinggi dan pengukuhan dolar Amerika Syarikat (USD). Harga Tapis, pada purata USD114 setong bagi tempoh sembilan bulan pertama 2013, diniagakan pada USD118 setong pada 14 Oktober 2013 (2012: USD119 setong). Walaupun persekitaran luar berada dalam keadaan tidak menentu,

JADUAL 4.2

### Hasil Kerajaan Persekutuan 2012 – 2014

|                        | RM juta        |                   |                   | Perubahan (%) |                   |                   | Bahagian (%) |                   |                   |
|------------------------|----------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------------|
|                        | 2012           | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> | 2012          | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> | 2012         | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> |
| Hasil Cukai            | 151,643        | 163,506           | 171,970           | 12.4          | 7.8               | 5.2               | 72.9         | 74.2              | 76.7              |
| Cukai langsung         | 116,937        | 127,020           | 133,148           | 14.4          | 8.6               | 4.8               | 56.2         | 57.6              | 59.4              |
| antaranya:             |                |                   |                   |               |                   |                   |              |                   |                   |
| Syarikat               | 51,288         | 60,431            | 65,729            | 9.4           | 17.8              | 8.8               | 24.7         | 27.4              | 29.3              |
| PITA <sup>3</sup>      | 33,934         | 30,507            | 28,275            | 22.3          | -10.1             | -7.3              | 16.3         | 13.8              | 12.6              |
| Individu               | 22,977         | 26,429            | 28,746            | 13.7          | 15.0              | 8.8               | 11.1         | 12.0              | 12.8              |
| Cukai tidak langsung   | 34,706         | 36,486            | 38,822            | 6.3           | 5.1               | 6.4               | 16.7         | 16.6              | 17.3              |
| antaranya:             |                |                   |                   |               |                   |                   |              |                   |                   |
| Duti eksais            | 12,187         | 12,728            | 13,442            | 5.8           | 4.4               | 5.6               | 5.9          | 5.8               | 6.0               |
| Cukai jualan           | 9,496          | 10,199            | 10,986            | 10.7          | 7.4               | 7.7               | 4.6          | 4.6               | 4.9               |
| Hasil bukan cukai      | 56,270         | 56,916            | 52,124            | 11.4          | 1.1               | -8.4              | 27.1         | 25.8              | 23.3              |
| antaranya:             |                |                   |                   |               |                   |                   |              |                   |                   |
| Lesen dan permit       | 13,570         | 13,468            | 13,149            | 21.3          | -0.8              | -2.4              | 6.5          | 6.1               | 5.9               |
| Pendapatan pelaburan   | 36,736         | 35,062            | 32,065            | 8.0           | -4.6              | -8.5              | 17.7         | 15.9              | 14.3              |
| <b>Jumlah hasil</b>    | <b>207,913</b> | <b>220,422</b>    | <b>224,094</b>    | <b>12.1</b>   | <b>6.0</b>        | <b>1.7</b>        | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>      | <b>100.0</b>      |
| <b>% daripada KDNK</b> | <b>22.1</b>    | <b>22.3</b>       | <b>21.2</b>       |               |                   |                   |              |                   |                   |


<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2014.

<sup>3</sup> Cukai pendapatan petroleum.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

CARTA 4.1

**Hasil Kerajaan Persekutuan**

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

terimaan daripada duti setem dijangka teguh, meningkat 11.1% kepada RM6.2 bilion (2012: 13.5%; RM5.6 bilion), menandakan keyakinan perniagaan yang kukuh dalam ekonomi domestik. Hasil daripada Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) juga dijangka kukuh, berjumlah RM653 juta (2012: RM608 juta) disebabkan nilai urus niaga harta tanah yang lebih tinggi walaupun semakin semula kadar RPGT yang lebih tinggi telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2013 untuk membendung aktiviti spekulasi dalam pasaran harta tanah. Terimaan daripada cukai langsung yang lain, termasuk cukai pegangan (RM2.3 bilion) dan cukai pendapatan koperasi (RM357 juta) dijangka kekal kukuh, sejajar dengan aktiviti ekonomi yang berdaya tahan.

Industri minyak dan gas (O&G) terus menjadi penyumbang terbesar kepada hasil cukai, diikuti sektor perdagangan borong dan runcit, pengantaraan kewangan dan harta tanah serta pembuatan. Selaras dengan peningkatan pendapatan dan pematuhan cukai, jumlah

pembayar cukai berdaftar meningkat kepada 7.6 juta pada akhir Julai 2013 (2012: 7.3 juta). Daripada jumlah ini, sejumlah 7.1 juta (92.6%) adalah pembayar cukai individu, 549,359 (7.2%) syarikat manakala selebihnya termasuk koperasi, persatuan dan pelbagai pertubuhan amanah. Borang cukai merangkumi dua juta individu dan 142,496 syarikat. Penyerahan borang cukai melalui e-filing telah menjadi kebiasaan sejak ia diperkenalkan pada 2006. Sehingga 31 Ogos 2013, lebih tiga juta atau 77.6% daripada jumlah penyerahan borang cukai dilakukan melalui e-filing, peningkatan sebanyak 10% berbanding 2012. Pembayar cukai juga lebih yakin dalam menggunakan e-pembayaran untuk menyelesaikan pembayaran cukai, dengan hampir 306,734 urus niaga secara e-pembayaran dijalankan pada 2013, meningkat 34% berbanding 2012. Kaedah elektronik dalam mengendalikan hal-hal berkaitan percukaian telah diterima secara meluas kerana kebolehpercayaan, kerahsiaan dan mesra pengguna serta terimaan bayaran balik cukai yang lebih cepat.

## Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan di Malaysia

### Pengenalan

Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) merupakan cukai kepenggunaan yang dikenakan secara meluas di pelbagai peringkat dan dibayar apabila barangan atau perkhidmatan dibeli atau digunakan. Di sesetengah negara, cukai ini juga dikenali sebagai Cukai Nilai Tambah (VAT) yang dikenakan terhadap nilai tambah barangan atau perkhidmatan di setiap peringkat pengilangan dan rantaian pengagihan. Elemen percukaian bukan sebahagian daripada kos produk memandangkan CBP atas input perniagaan boleh dituntut. CBP mula diperkenalkan di Perancis pada 1954 dan kini telah dilaksanakan di lebih 160 buah negara, termasuk negara kurang membangun dengan kadar cukai antara 5% hingga 27%. Semua negara ASEAN telah melaksanakan CBP kecuali Brunei, Myanmar dan Malaysia.

### Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan

Cukai jualan dan cukai perkhidmatan akan dimansuhkan dan digantikan dengan CBP, sekiranya CBP dilaksanakan. Cukai jualan telah diperkenalkan pada 1972 (Akta Cukai Jualan 1972) dan dikenakan ke atas barangan bercukai di peringkat pengilang, dengan nilai jualan tahunan melebihi RM100,000. Barangan import juga tertakluk kepada cukai jualan. Kadar standard cukai sebanyak 10% dikenakan ke atas pelbagai jenis barangan dan 5% pula dikenakan ke atas produk tertentu seperti barangan makanan, produk penjagaan kebersihan serta bahan binaan.

Sementara itu, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 membolehkan kadar cukai sebanyak 6% dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh restoran dan hotel, perkhidmatan telekomunikasi serta perkhidmatan profesional seperti arkitek, jurutera, peguam, juruukur dan akauntan. Berkuat kuasa Januari 2010, cukai perkhidmatan tahunan juga dikenakan ke atas kad kredit dan kad caj pada kadar RM50 dan RM25 bagi kad tambahan.

Terdapat beberapa kelemahan dalam struktur dan pelaksanaan cukai perkhidmatan dan jualan yang dianggap rumit kerana sering menimbulkan masalah pentadbiran. Sistem percukaian ini juga dilihat bertentangan dengan prinsip asas percukaian seperti neutral, saksama dan cekap. Kelemahan utama sistem ini adalah seperti berikut:

- **Kesan bertindih disebabkan oleh cukai berganda**

Dua sistem cukai yang berbeza pada satu masa akan menyebabkan kesan bertindih yang menyebabkan suatu item boleh dikenakan cukai dua kali. Sebagai contoh, makanan dan minuman yang tertakluk kepada cukai jualan, jika kemudiannya dijual lagi oleh pemegang lesen seperti pengurus hotel atau restoran, item tersebut akan dikenakan cukai tambahan 6% dalam bentuk cukai perkhidmatan. Oleh yang demikian, cukai perkhidmatan tersebut dikenakan sekali lagi ke atas item yang telah dikenakan cukai di bawah sistem cukai jualan.

- **Kesan bertindih dalam sistem cukai yang sama**

Kesan bertindih juga terjadi dalam sistem cukai yang sama. Sebagai contoh, pemegang lesen cukai perkhidmatan perlu membayar cukai perkhidmatan ke atas inputnya seperti perkhidmatan telekomunikasi, perakaunan, perundangan dan perundingan. Cukai yang dibayar ke atas perkhidmatan ini akan dimasukkan ke dalam harga akhir. Apabila pemegang lesen menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan, cukai perkhidmatan akan dikenakan sekali lagi ke atas harga jualan. Oleh itu, cukai jualan dikenakan ke atas komponen yang telah pun dikenakan cukai.

- **Kesan piramid**

Cukai jualan dikenakan pada peringkat pengilang sahaja, namun sering menimbulkan 'kesan piramid' kerana wujudnya peratusan tokokan yang dikenakan sebagai elemen percukaian dan kos jualan produk di sepanjang rantaian pengedaran. Sebagai contoh, pengedar yang membeli barangan tertentu daripada pengilang pada harga RM100 ditambah dengan cukai jualan

sebanyak RM10 (berjumlah RM110), pada kebiasaannya akan menambah margin keuntungan pengedar ke atas jumlah RM110, dan bukan ke atas kos RM100. Oleh itu, kegagalan untuk membezakan antara kos jualan produk dan unsur percukaian dalam harga sering memberi keuntungan kepada peniaga. Keadaan ini menjejaskan kutipan hasil kerajaan dan pengguna akhir.

- **Pemindahan harga dan integrasi menegak**

Pada masa ini, sistem cukai jualan tidak menggalakkan perkembangan industri tempatan daripada terlibat dalam integrasi ke hadapan. Sebagai contoh, sesetengah fungsi pemasaran diberikan kepada subsidiari yang berkaitan supaya cukai jualan dibayar pada nilai yang lebih rendah. Walaupun Akta Cukai Jualan 1972 memperuntukkan penentuan nilai jualan pada harga *'arm's length'*, kesesuaian dalam menentukan apa-apa nilai yang saksama dan boleh dilaksanakan merupakan sesuatu yang sukar. Masa yang mencukupi diperlukan untuk menentukan nilai boleh cukai ke atas barangan atau perkhidmatan di bawah peringkat tersebut.

- **Tiada pelepasan yang menyeluruh untuk eksport**

Walaupun produk yang dieksport tidak dikenakan cukai, produk berkenaan sebenarnya tidak bebas sepenuhnya daripada cukai yang dimasukkan di sepanjang rantai pengedaran. Pada masa ini, tidak ada mekanisme untuk melepaskan produk yang dieksport daripada cukai tersembunyi tersebut. Oleh kerana itu, produk yang dieksport menjadi lebih mahal, dan kurang berdaya saing di pasaran antarabangsa. Di bawah sistem CBP, cukai tersebut boleh dikenal pasti sepenuhnya dan layak menerima rebat kerana semua produk eksport akan berkadar sifar.

- **Karenah birokrasi ke atas bahan bebas cukai**

Kelulusan Kementerian Kewangan diperlukan untuk mendapatkan bahan bebas cukai bagi input pengeluaran dan pengecualian cukai ke atas barangan modal. Syarikat yang mendapat kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada pengauditan bagi memastikan kelulusan tidak disalah guna. Pengauditan ini menambahkan kos bukan sahaja kepada perniagaan tetapi juga kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, kelulusan tersebut tidak perlu di bawah CBP kerana ia merupakan pengawasan sendiri. Individu yang dikenakan cukai boleh mengimbangi cukai input yang ditanggungnya terhadap liabiliti cukai output.

- **Isu klasifikasi dalam sistem cukai jualan**

Oleh kerana cukai jualan hanya dikenakan ke atas barangan tertentu, klasifikasi status produk bercukai sering menimbulkan masalah pematuhan. Tanggungjawab terletak ke atas pengilang untuk mengetahui status boleh cukai output tersebut. Pengilang sering dihukum kerana gagal memasukkan elemen percukaian sekiranya barangan tersebut adalah bercukai. Keperluan untuk mengkategorikan produk dan perkhidmatan kepada bercukai dan tidak bercukai sering menambahkan kos pentadbiran kepada industri. Keadaan ini tidak akan timbul di bawah CBP kerana kebanyakan barangan dan perkhidmatan akan dikenakan cukai.

### **Rasional untuk Memperkenalkan CBP**

Langkah Kerajaan memperkenalkan CBP adalah untuk memperkemaskan struktur cukai sedia ada untuk menjadikannya lebih cekap, berkesan, telus dan mesra perniagaan. CBP akan memudahkan sistem cukai kepenggunaan semasa dengan meningkatkan ekuiti; mengurangkan bilangan cukai yang berasingan serta meluaskan asas pendapatan negara.

### **Kelebihan CBP**

Model CBP yang dicadangkan dijangka memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat seperti berikut:

- **Pengguna**
  - Adil dan lebih telus kerana pengguna boleh mengenal pasti cukai yang dibayar bagi setiap transaksi;

- Bebanan cukai dapat diagihkan dalam populasi secara lebih meluas;
  - Membawa kepada pengurangan dalam kos barangan dan perkhidmatan kerana peniaga boleh menuntut kredit cukai input daripada Kerajaan; dan
  - Menggalakkan perbelanjaan berhemat memandangkan cukai dikenakan berasaskan penggunaan.
- **Sektor swasta**
    - Sistem cukai yang neutral dan telus kerana aktiviti ekonomi yang bersaing dikenakan cukai dalam bentuk yang sama;
    - Eksport barangan dan perkhidmatan dikenakan pada kadar sifar, menjadikan eksport negara lebih berdaya saing di pasaran global;
    - Menggalakkan sektor pelancongan kerana pelancong dapat menikmati bayaran balik cukai ke atas pembelian barangan dan perkhidmatan daripada peruncit yang berdaftar melalui Skim Bayaran Balik Pelancong;
    - Penguatkuasaan sendiri dalam sistem cukai, memperketatkan pengelakan cukai dengan memasukkan mekanisme pengkreditan cukai input; dan
    - Kos pematuhan pentadbiran CBP adalah lebih rendah disebabkan oleh penyelarasan sistem cukai.
  - **Kerajaan**
    - Memiliki sumber hasil yang lebih stabil, boleh diramal dan cekap berasaskan penggunaan;
    - Mempromosikan pematuhan cukai secara keseluruhan serta memasukkan sektor tidak formal ke dalam jaringan cukai; dan
    - Meningkatkan kutipan cukai selaras dengan pertumbuhan ekonomi.
  - **Ekonomi**
    - Pembentukan modal tidak terjejas kerana peniaga boleh menuntut cukai input;
    - Meningkatkan daya saing memandangkan CBP mengurangkan kos menjalankan perniagaan; dan
    - Menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI).

#### **Ciri-ciri Model CBP**

Dalam merangka model CBP, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menjadikannya kurang regresif melalui mekanisme berikut:

- **Bekalan berkadar sifar**

Produk yang akan berkadar sifar adalah seperti berikut:

  - Barangan makanan asas seperti beras, gula, daging, ikan, ayam, sayuran, tepung gandum, minyak masak dan telur dikenakan pada kadar sifar. Selain itu, kadar sifar juga dikenakan kepada pengguna domestik bagi penggunaan elektrik bulanan sehingga 200 kWh dan penggunaan air;
  - Bekalan ternakan seperti lembu, kerbau, kambing, ayam, itik dan khinzir; dan
  - Eksport barangan dan perkhidmatan untuk menjadikannya lebih berdaya saing di luar negara.

- **Bekalan yang dikecualikan cukai**

- Bagi mengurangkan beban cukai kepada penduduk awam, pengecualian CBP diberikan kepada perkhidmatan pengangkutan awam, perkhidmatan pendidikan dan kesihatan swasta, perkhidmatan kewangan dan insuran hayat, tanah bagi tujuan pertanian, kediaman dan lain-lain kegunaan umum seperti tanah perkuburan; dan
- Tiada CBP dikenakan bagi perkhidmatan Kerajaan, negeri atau persekutuan.

- **Bekalan berkadar standard**

- Bekalan barangan dan perkhidmatan boleh cukai akan dikenakan cukai pada kadar standard. Peniaga layak untuk menuntut kredit cukai input perniagaan; dan
- Had nilai jualan tahunan RM500,000 telah dicadangkan bagi tujuan pendaftaran syarikat. Langkah ini akan mengecualikan peniaga kecil daripada mengutip CBP.

### **Inisiatif untuk Melaksanakan CBP**

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan CBP dapat dilaksanakan secara lancar dan teratur seperti berikut:

- Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 memberi kuasa kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk memantau dan mengambil tindakan terhadap pengambilan keuntungan secara berlebihan;
- Amalan perdagangan yang adil dikuatkuasakan melalui Akta Persaingan 2010 mulai 1 Januari 2012;
- Menerbitkan senarai panduan pengguna yang merangkumi 944 produk dalam bakul Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi memberi maklumat yang lebih jelas, meningkatkan kesedaran mengenai harga sebelum dan selepas pelaksanaan CBP;
- Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) secara aktif mengadakan seminar, bengkel dan promosi bergerak di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran mengenai CBP dalam kalangan kumpulan profesional, agensi Kerajaan, komuniti perniagaan, kumpulan pengguna dan organisasi bukan kerajaan (NGO). Sehingga kini, lebih 4,600 program kesedaran telah dilaksanakan secara bersama dengan agensi awam, persatuan perdagangan dan NGO di seluruh negara melibatkan 200,000 peserta;
- Publisiti melalui media akan dilaksanakan untuk menyebarkan maklumat mengenai pelaksanaan dan manfaat CBP kepada komuniti perniagaan dan masyarakat;
- Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan dibantu melalui program latihan intensif dan khidmat rundingan; dan
- Memantapkan JKDM melalui latihan, pengambilan kakitangan tambahan dan penyediaan peralatan IT bagi melancarkan pelaksanaan CBP.

### **Kesimpulan**

Melalui CBP, kekurangan dalam pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan akan dapat ditangani. CBP akan memberi lebih kesaksamaan sosial dan kecekapan dalam ekonomi memandangkan ianya akan dikenakan ke atas penggunaan, bukan ke atas pelaburan atau keuntungan perniagaan. Tambahan pula, CBP akan meluaskan asas percukaian, meningkatkan kepatuhan dan kutipan hasil Kerajaan. CBP juga amat penting bagi melindungi kebajikan golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas serta menggalakkan perbelanjaan berhemat di kalangan rakyat.

Kutipan cukai terus ditingkatkan melalui pematuhan cukai yang lebih tinggi, pendidikan percukaian dan peningkatan kecekapan dalam pentadbiran cukai, audit, penyiasatan dan penguatkuasaan. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), dengan kerjasama erat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), BNM dan Jabatan Peguam Negara lebih berwaspada terhadap aktiviti pengelakan cukai, pengisytiharan duti kastam di bawah nilai dan pengubahan wang haram. Usaha bersepadu sedang dijalankan oleh LHDN dan JKDM untuk memperluaskan jaringan cukai melalui peningkatan kemahiran kakitangan, penggunaan IT secara intensif, mengurangkan beban pengawalseliaan serta menambah baik pengurusan cukai, penyampaian perkhidmatan dan penggunaan sumber.

Terimaan daripada **cukai tidak langsung** dijangka meningkat 5.1% kepada RM36.5 bilion, menyumbang 16.6% kepada jumlah hasil (2012: 6.3%; RM34.7 bilion; 16.7%) disokong oleh aktiviti perniagaan dan penggunaan yang kukuh dalam persekitaran inflasi yang rendah. Komponen terbesar cukai tidak langsung iaitu duti eksais ke atas barangan import dan keluaran tempatan, dijangka berkembang 4.4% kepada RM12.7 bilion (2012: 5.8%; RM12.2 bilion), disebabkan permintaan yang kukuh terhadap kenderaan bermotor, termasuk kenderaan perdagangan, rokok dan minuman keras. Terimaan daripada cukai jualan dan perkhidmatan juga dijangka lebih tinggi pada RM10.2 bilion dan RM6.2 bilion, mencerminkan peningkatan aktiviti ekonomi dalam negeri yang berterusan.

Hasil daripada duti eksport dijangka kekal sebanyak RM2.1 bilion berikutan permintaan luar negeri yang lemah bagi komoditi seperti petroleum mentah dan minyak sawit mentah (CPO). Petroleum mentah merupakan penyumbang terbesar kepada duti eksport. Pungutan levi ke atas CPO, kenderaan barangan dan elektrik dijangka terus menurun dengan ketara sebanyak 72.8% kepada RM150 juta (2012: -40%; RM552 juta) disebabkan oleh penurunan harga CPO sejak 2011. CPO merupakan komponen utama dalam terimaan levi. Paras had harga bagi pengenaan levi kekal pada RM2,500 setan metrik di Semenanjung Malaysia dan RM3,000 setan metrik bagi Sabah dan Sarawak. Bagi tempoh sembilan bulan pertama

2013, CPO diniagakan pada purata RM2,331 setan metrik (2012: RM2,866 setan metrik) dan harga pada 11 Oktober 2013 ialah RM2,367 setan metrik. Sementara itu, duti import dijangka stabil pada RM2.4 bilion selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan terhadap liberalisasi tarif di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) serta pelbagai perjanjian perdagangan dua hala.

**Hasil bukan cukai** merangkumi 25.8% daripada jumlah hasil, dijangka kukuh pada RM56.9 bilion (2012: 27.1%; RM56.3 bilion) selaras dengan peningkatan kukuh dalam aktiviti sektor swasta. Sumber utama hasil bukan cukai adalah pendapatan daripada dividen, terutamanya daripada Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS) (RM27 bilion) serta lesen dan permit (RM13.5 bilion). Sumber pendapatan lain termasuk hasil daripada pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan (RM4.2 bilion) serta pendapatan dividen daripada BNM (RM1.5 bilion) dan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) (RM850 juta). Royalti petroleum dan cukai jalan, komponen utama lesen dan permit, dijangka menyumbang RM8.5 bilion.

Sumber hasil bukan cukai lain termasuk terimaan daripada pengeluaran O&G di bawah Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) (RM1.9 bilion), denda dan penalti (RM1 bilion) serta penjualan aset Kerajaan (RM1.4 bilion). Walaupun Kerajaan dijangka dapat menjana hasil yang besar daripada penggunaan aset awam secara optimum, tujuan utama adalah untuk merangsang lebih banyak penglibatan swasta dalam ekonomi serta penyenaraian di Bursa Malaysia.

Terimaan bukan hasil, termasuk pulangan balik perbelanjaan dan terimaan daripada agensi Kerajaan, dan hasil daripada Wilayah Persekutuan dijangka meningkat ketara kepada RM2.5 bilion (2012: RM1.4 bilion) disokong oleh perbelanjaan perniagaan dan pengguna yang positif. Hasil daripada Wilayah Persekutuan termasuk premium dan cukai tanah serta pendapatan daripada pelbagai lesen, fi pendaftaran, permit, sewa dan fi perkhidmatan.

## Perbelanjaan

### *Pertumbuhan lebih perlahan dalam perbelanjaan*

Perbelanjaan keseluruhan Kerajaan Persekutuan pada 2013 dianggarkan berjumlah RM261.3 bilion, meningkat 4.6% berbanding peruntukan asal. Daripada jumlah ini, RM216.2 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus manakala bakinya, RM45.1 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

**Perbelanjaan mengurus** dijangka berkembang pada kadar paling perlahan sejak 2010, sebanyak 5.2% kepada RM216.2 bilion (2012: 12.6%; RM205.5 bilion) walaupun terdapat tanggungan komitmen tambahan berjumlah RM15 bilion. Langkah yang diambil bagi memastikan perbelanjaan berhemat dijangka tidak akan menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan. Peruntukan bagi inisiatif pembaharuan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) (RM1.5 bilion), Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) (RM234 juta) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) (RM24 juta) juga akan terus diberi keutamaan.

Perbelanjaan **emolumen** kekal sebagai komponen terbesar mencakupi 28.5% daripada perbelanjaan mengurus atau RM61.6 bilion (2012: 29.2%; RM60 bilion). Jumlah ini termasuk peruntukan kenaikan gaji bagi 1.4 juta penjawat awam; bantuan khas kewangan sebanyak RM500 kepada kategori tertentu penjawat awam; penambahbaikan skim imbuhan Angkatan Tentera; insentif khas sebanyak RM200 setiap bulan kepada lebih 125,700 anggota tentera; dan semakan elaun perkhidmatan untuk lebih 65,000 anggota simpanan tentera darat, laut dan udara.

**Subsidi** merangkumi pelbagai subsidi (RM35.2 bilion), insentif (RM874 juta) dan program bantuan sosial (RM10.7 bilion) termasuk subsidi bahan api, gula, minyak masak, insentif untuk meningkatkan pengeluaran makanan serta bantuan pendidikan dan program kebajikan masyarakat untuk kesejahteraan rakyat. Sebagai

komponen kedua terbesar yang mencakupi 21.6% daripada perbelanjaan mengurus, subsidi dijangka kekal tinggi pada RM46.7 bilion atau 4.7% daripada KDNK (2012: 21.4%; RM44.1 bilion; 4.7%) walaupun rasionalisasi subsidi bahan api dan gula diteruskan semula.

Peruntukan subsidi bahan api dan bantuan tunai berjumlah RM28.9 bilion pada 2013 (2012: RM27.9 bilion). Purata harga produk petroleum dan diesel bertapis kekal kukuh pada USD122 setong bagi tempoh sembilan bulan pertama 2013 (2012: USD126 setong). Langkah bersesuaian untuk memastikan pengagihan sumber yang optimum serta mengurangkan herotan pasaran, aktiviti penyeludupan dan beban fiskal Kerajaan, subsidi petrol dan diesel telah dikurangkan sebanyak 20 sen berkuat kuasa 3 September 2013. RON95 yang digunakan secara meluas pada masa ini dijual pada harga RM2.10 seliter, manakala diesel RM2.00 seliter. Penjimatan daripada rasionalisasi subsidi bahan api dianggarkan berjumlah RM1.1 bilion. RON97, petrol gred premium yang diapungkan secara terkawal, tidak diberikan subsidi. Walau bagaimanapun, harga RON97 telah dinaikkan sebanyak 15 sen daripada RM2.70 kepada RM2.85 seliter berkuat kuasa 5 September 2013 sejajar dengan kenaikan harga di pasaran antarabangsa.

Penguatkuasaan telah dipergiatkan untuk memantau harga makanan dan membendung penyalahgunaan subsidi minyak secara berleluasa kerana harga RON95 dan diesel masih antara yang termurah di rantau ini. Stesen minyak di kawasan sempadan dikehendaki menutup operasi pada jam 10 malam bagi mengurangkan penyeludupan minyak bersubsidi merentasi sempadan. Selain itu, penjualan diesel juga dihadkan kepada 20 liter bagi setiap kenderaan dari stesen minyak dalam lingkungan 50 km dari pintu sempadan negara. Walaupun tiada sekatan ke atas penjualan petrol RON97 kepada warga asing, namun rakyat Malaysia yang menggunakan kenderaan berpendaftaran asing adalah tidak layak membeli RON95 dan gas asli.

JADUAL 4.3

**Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek  
2012 – 2014**

|                                              | RM juta        |                   |                   | Perubahan (%) |                   |                   | Bahagian (%) |                   |                   |
|----------------------------------------------|----------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------------|
|                                              | 2012           | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> | 2012          | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> | 2012         | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> |
| Emolumen                                     | 60,016         | 61,625            | 63,610            | 19.7          | 2.7               | 3.2               | 29.2         | 28.5              | 29.2              |
| Bayaran khidmat hutang                       | 19,537         | 22,245            | 23,186            | 10.3          | 13.9              | 4.2               | 9.5          | 10.3              | 10.7              |
| Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri | 5,690          | 6,276             | 6,697             | 2.8           | 10.3              | 6.7               | 2.8          | 2.9               | 3.1               |
| Pencen dan ganjaran                          | 14,079         | 14,397            | 15,667            | 3.8           | 2.3               | 8.8               | 6.8          | 6.7               | 7.2               |
| Bekalan dan perkhidmatan                     | 31,963         | 34,661            | 36,623            | 10.4          | 8.4               | 5.7               | 15.6         | 16.0              | 16.8              |
| Subsidi                                      | 44,075         | 46,698            | 39,408            | 21.6          | 6.0               | -15.6             | 21.4         | 21.6              | 18.1              |
| Pemberian kepada badan berkanun <sup>3</sup> | 15,971         | 14,659            | 16,281            | 16.0          | -8.2              | 11.1              | 7.8          | 6.8               | 7.5               |
| Bayaran balik dan hapus kira                 | 1,292          | 1,109             | 1,358             | 28.1          | -14.2             | 22.5              | 0.6          | 0.5               | 0.6               |
| Lain-lain                                    | 12,913         | 14,514            | 14,822            | -17.5         | 12.4              | 2.1               | 6.3          | 6.7               | 6.8               |
| <b>Jumlah</b>                                | <b>205,537</b> | <b>216,184</b>    | <b>217,651</b>    | <b>12.6</b>   | <b>5.2</b>        | <b>0.7</b>        | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>      | <b>100.0</b>      |
| <b>% daripada KDNK</b>                       | <b>21.8</b>    | <b>21.9</b>       | <b>20.6</b>       |               |                   |                   |              |                   |                   |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.<sup>2</sup> Anggaran bajet.<sup>3</sup> Termasuk emolumen.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Bantuan tunai, bayaran insentif dan baucar buku terus diberikan kepada kumpulan sasaran untuk mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup. Perbelanjaan ini dianggar berjumlah RM4.1 bilion pada 2013. Subsidi diberikan untuk meringankan beban kewangan rakyat termasuk skim penstabilan minyak masak (RM1.5 bilion); pampasan tol (RM587 juta); tepung gandum (RM185 juta); perkhidmatan udara dan keretapi luar bandar yang komprehensif (RM179 juta); serta rebat kepada isi rumah dengan penggunaan elektrik kurang daripada RM20 sebulan (RM150 juta). Bagi menggalakkan gaya hidup sihat, subsidi gula telah dikurangkan 20 sen sekilogram, berkuat kuasa 29 September 2012. Walaupun harga runcit gula telah meningkat kepada RM2.50 sekilogram, Kerajaan masih menampung subsidi lebih kurang 40 sen pada 16 Oktober 2013. Subsidi bagi perbezaan kadar faedah berjumlah RM1.7 bilion disediakan, antara lain bagi pinjaman pelajar di institusi pengajian tinggi, skim kredit mikro, pengangkutan awam, harta intelek dan pembuatan yang berteknologi tinggi. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga mendapat manfaat daripada kos pinjaman

yang lebih rendah bagi menggiatkan lagi aktiviti perniagaan serta bagi program pemulihan, pengkomersialan dan inovasi.

Pada 2013, sejumlah RM1.9 bilion telah diperuntukkan dalam bentuk subsidi (RM1 bilion) dan insentif (RM874 juta) bagi petani, nelayan dan usahawan ternakan untuk melaksanakan program peningkatan pengeluaran makanan. Program ini dirangka untuk menggalakkan pengeluaran makanan yang mencukupi, meningkatkan produktiviti serta mengekalkan kestabilan harga barangan keperluan asas. Inisiatif ini termasuk subsidi benih, baja dan harga padi serta insentif untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi. Nelayan turut diberi insentif untuk meningkatkan pendaratan ikan di jeti berlesen di seluruh negara. Elaun bulanan sebanyak RM200 diberikan kepada lebih 52,000 nelayan berdaftar manakala insentif sehingga 20 sen diberikan untuk setiap kilogram tangkapan ikan yang didaratkan. Mata pencarian nelayan akan terus dilindungi melalui skim perlindungan takaful sekiranya berlaku bencana atau kemalangan.

## Pengemaskinian Program Bantuan Tunai

Program bantuan tunai yang diperkenalkan pada 2012 untuk meringankan beban golongan mudah terjejas terus diperluaskan di bawah Bajet 2013 seperti berikut:

- Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2.0) sebanyak RM500 kepada setiap isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 atau kurang;
- BR1M 2.0 sebanyak RM250 diperluaskan kepada individu bujang berumur 21 tahun dan ke atas yang berpendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan;
- Bantuan awal persekolahan sebanyak RM100 kepada setiap pelajar sekolah rendah dan menengah;
- Nilai baucar buku bagi setiap pelajar di peringkat pra-universiti serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta ditingkatkan daripada RM200 kepada RM250; dan
- Bantuan sebanyak RM1,000 kepada bekas tentera yang bersara awal, berkhidmat kurang daripada 21 tahun serta tidak berpenyen. Bayaran sumbangan ini akan dikongsi bersama oleh Kerajaan dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Sehingga 16 Oktober 2013, hampir RM4 bilion telah diberikan kepada kumpulan sasaran untuk membantu mereka menampung peningkatan kos sara hidup.

Program bantuan sosial diperuntukkan sebanyak RM10.7 bilion. Komponen pertama berjumlah RM4.7 bilion terdiri daripada biasiswa di semua peringkat pendidikan, termasuk pembangunan kerjaya profesional dalam perkhidmatan awam dan bantuan kewangan kepada pelatih di pusat latihan kemahiran awam. Peruntukan juga disediakan untuk pelbagai bantuan pendidikan (RM2.3 bilion) seperti program pemakanan, bantuan buku teks serta sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM).

Komponen kedua program bantuan sosial merangkumi pelbagai bantuan kewangan untuk meningkatkan kualiti hidup golongan miskin, warga emas, orang kelainan upaya dan golongan mudah terjejas lain (RM3.6 bilion). Jumlah ini termasuk peruntukan RM339 juta kepada isi rumah berpendapatan rendah yang disediakan bagi mengurangkan kemiskinan di bawah NKRA. Program ini termasuk memberi sokongan untuk memiliki rumah dan aktiviti yang menjana pendapatan berterusan bagi meningkatkan produktiviti golongan miskin. Sementara itu, sejumlah RM44 juta disediakan untuk meningkatkan taraf hidup orang asli turut sama mendapat manfaat daripada pembangunan. Inisiatif ini termasuk program makanan berkhasiat, pendidikan

dan kebajikan; biasiswa ke institusi pengajian tinggi dan input pertanian untuk menambah pendapatan.

**Bekalan dan perkhidmatan** yang meliputi 16% daripada perbelanjaan mengurus dijangka mencatat pertumbuhan lebih kecil 8.4% kepada RM34.7 bilion (2012: 15.6%; 10.4%; RM32 bilion) selaras dengan langkah pentadbiran untuk mengurangkan perbelanjaan boleh kawal. Bayaran perkhidmatan profesional dan teknikal; pembaikan dan penyelenggaraan; bekalan; sewaan; perhubungan dan utiliti merupakan penyumbang terbesar dalam perbelanjaan. Perbelanjaan lain termasuk perjalanan, makanan dan minuman. Beberapa langkah pentadbiran telah dilaksanakan untuk menerapkan disiplin dalam perbelanjaan. Langkah ini termasuk memaksimumkan penggunaan kemudahan Kerajaan untuk program, seminar, bengkel dan latihan; pengurusan ruang yang cekap dan menggunakan konsep ruang pejabat terbuka untuk mengurangkan sewaan dan pengubahsuaian pejabat; penggunaan elektrik yang efisien; dan pengurangan kos overhead yang lain. Perjalanan luar negeri diteliti bagi memastikan kehadiran adalah terhad ke mesyuarat yang penting dan relevan sahaja.

## Strategi Lautan Biru Kebangsaan

### Apakah Strategi Lautan Biru Kebangsaan?

- Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dibangunkan dan disesuaikan untuk perkhidmatan awam berdasarkan inspirasi dan pengajaran daripada buku strategi perniagaan yang diterbitkan oleh Profesor W. Chan Kim dan Renée Mauborgne pada 2005.
- Strategi Lautan Biru pada dasarnya memberi penekanan kepada pendekatan sistematik dalam perniagaan untuk mewujudkan permintaan baharu atau sempadan pasaran (lautan biru) dengan menjadikan persaingan tidak relevan.
- Strategi ini telah diperkenalkan ke dalam perkhidmatan awam oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 2009 untuk menerapkan pemikiran di luar kotak bagi melaksanakan projek dan program serta menangani isu ekonomi.
- Selaras dengan hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, perkhidmatan awam perlu berubah dan menggunakan pendekatan baharu untuk memastikan wawasan negara dapat direalisasikan. NBOS melengkapkan inisiatif transformasi sedia ada untuk mempercepatkan agenda pembangunan di samping meningkatkan kesejahteraan rakyat.
- Melalui pendekatan yang kreatif, inovatif dan kerjasama bersepadu, program boleh dilaksanakan dengan segera, pada kos yang minimum dan memberi manfaat yang besar kepada rakyat. Walaupun kerjasama di kalangan agensi Kerajaan telah terjalin, NBOS mengukuhkan kerjasama tersebut dalam kalangan pihak berkepentingan melalui penggunaan sumber yang lebih optimum bagi mencapai outcome yang lebih baik.
- Sektor swasta dan masyarakat madani juga terlibat aktif dalam menggubal dasar atau merangka program untuk rakyat. Pada dasarnya, NBOS dapat disimpulkan seperti berikut: kos yang rendah; berimpak tinggi; pelaksanaan yang cepat; dan program yang lestari.
- Sehingga kini, 55 inisiatif yang melibatkan lebih 80 agensi Kerajaan telah dilaksanakan di bawah konsep NBOS. Program ini telah memberi manfaat kepada rakyat, menyentuh kehidupan dan merasai denyut nadi rakyat.

### Penubuhan Secara Fizikal

- Pelaksanaan NBOS adalah di bawah bidang kuasa Unit Strategi Nasional (NSU) di Kementerian Kewangan yang turut menyelia kelancaran fungsi Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), satu inisiatif yang diilhamkan di bawah NBOS.
- Pihak yang berkepentingan dalam NBOS mengadakan mesyuarat secara mingguan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk membincangkan kemajuan inisiatif dan mencari kaedah penyelesaian masalah dan mempercepatkan pelaksanaan program. Profesor W. Chan Kim, sebagai Penasihat Negara terlibat secara kerap bagi memberikan perspektif beliau. Sidang kemuncak NBOS diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

### Inisiatif NBOS yang Sedang Dalam Pelaksanaan

#### Pusat Transformasi Bandar

- UTC telah ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan terus kepada rakyat di bawah satu bumbung. Bangunan yang kurang digunakan telah dikenal pasti dan diubahsuai bagi menempatkan pelbagai perkhidmatan daripada sektor awam dan swasta, seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen dan Pos Malaysia.
- UTC popular dalam kalangan warga kota kerana pelbagai urusan niaga secara fizikal dalam satu bangunan dapat dijalankan melalui penawaran perkhidmatan selepas waktu pejabat dan pada hujung minggu. Kini terdapat lima UTC iaitu di Melaka, Kedah, Pahang, Kuala Lumpur dan Perak serta satu mini UTC di Sentul. Sebuah lagi UTC di Sabah akan disiapkan pada Disember 2013.

### Pusat Transformasi Luar Bandar

- RTC ditubuhkan untuk mengubah ekonomi luar bandar dengan menghubungkan masyarakat luar bandar dengan aktiviti ekonomi bernilai tambah tinggi bagi merapatkan jurang pembangunan antara masyarakat bandar dan luar bandar.
- RTC mengintegrasikan pelbagai perkhidmatan di satu tempat. Perkhidmatan yang ditawarkan termasuk pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pertanian, perbankan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Inisiatif ini menggalakkan kerjasama aktif dengan komuniti perniagaan di mana petani boleh memasarkan produk melalui rangkaian yang lebih luas pada kos yang lebih rendah.
- RTC telah ditubuhkan di Perak, Kelantan, Melaka dan Pahang, manakala beberapa pusat lagi dirancang untuk ditubuhkan di Kedah, Johor, Sabah, Sarawak dan Terengganu.

### Kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia bagi Menangani Jenayah

- Bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengurangkan kos, kemudahan ketenteraan digunakan untuk melatih pegawai polis yang baharu manakala anggota tentera yang bersara telah dilantik ke dalam pasukan polis untuk menangani jenayah. Rondaan bersama antara polis dan tentera dijalankan untuk meningkatkan keselamatan di kawasan kerap berlaku jenayah. Lebih 100,000 anggota keselamatan telah digerakkan bagi menyediakan persekitaran yang selamat kepada rakyat.

### 1Malaysia For Youth

- Melalui inisiatif ini, golongan belia digerakkan untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan negara melalui program sukarelawan. Program 1Malaysia For Youth (1M4U) telah menarik penyertaan lebih 70,000 sukarelawan dan sebanyak RM100 juta *seed money* disediakan kepada golongan belia untuk melaksanakan pelbagai projek sukarelawan berasaskan komuniti.

### Malaysiaku Indah

- Bagi memulakan 2013 sebagai Tahun Kesukarelaan, program Malaysiaku Indah (MBM) telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 3 Februari 2013. Lebih satu juta belia menyertai aktiviti membersihkan dan mencantikkan 390 kawasan, mencatatkan MBM dalam Malaysia Book of Records bagi "Penyertaan Serentak Terbesar dalam Program Kesukarelaan."

### Penjagaan Keluarga 1Malaysia

- Penjagaan Keluarga 1Malaysia (1MFC) menyediakan penjagaan kesihatan secara menyeluruh dan bantuan sosial kepada warga emas, golongan kelainan upaya dan ibu tunggal melalui rangkaian antara agensi, perkongsian sumber dan galakan kesukarelawan. Antara perkhidmatan yang disediakan di bawah 1MFC adalah program sukarelawan di rumah kenangan termasuk penjagaan kesihatan pergigian kepada warga emas dan orang kelainan upaya serta pemeriksaan kesihatan kepada ibu tunggal. Program ini telah memberi manfaat kepada lebih 40,000 orang.

### Kejiranan Indah

- Program Kejiranan Indah (MyBN) merupakan program bagi memulihara dan mencantikkan kemudahan awam di kawasan kejiranan setempat melalui penggemblengan sumber merentasi semua peringkat Kerajaan Persekutuan dan negeri. Penyelenggaraan infrastruktur dan pengindahan kawasan perumahan yang dilakukan bersama penduduk menerapkan rasa pemilikan dan tanggungjawab terhadap kawasan tempat tinggal mereka. Kini, lebih daripada 20 kawasan perumahan awam telah mengambil bahagian dalam inisiatif ini yang memberi manfaat kepada 74,000 penduduk.

### Usahawan 1Malaysia

- Inisiatif terbaharu di bawah NBOS adalah Usahawan 1Malaysia (1MeT) di mana NSU telah ditugaskan untuk merangka dan menyelaraskan inisiatif Pembangunan Keusahawanan Kebangsaan. Program ini dijangka membantu usahawan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka sendiri dengan menggunakan sumber daripada sektor awam dan swasta.

### Inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan

| No.    | Inisiatif                                                                                                         | Agensi                                                                   |
|--------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| NBOS 1 | Penempatan semula penjawat awam bagi melaksanakan tugas pentadbiran di PDRM                                       | Polis Diraja Malaysia (PDRM)/<br>Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)         |
| NBOS 2 | Latihan polis menggunakan kemudahan tentera Rondaan bersama oleh polis dan tentera                                | PDRM/ Angkatan Tentera Malaysia (ATM)                                    |
|        | Perekrutan bekas tentera oleh PDRM                                                                                | PDRM                                                                     |
|        | Meningkatkan kehadiran polis                                                                                      |                                                                          |
| NBOS 3 | Program Pemulihan Masyarakat (CRP)                                                                                | Kementerian Dalam Negeri (KDN)/ ATM                                      |
|        | Membina kemudahan asas luar bandar (rumah dan bekalan air)                                                        | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)/ ATM                 |
|        | Melibatkan buruh luar bandar untuk aktiviti ekonomi bernilai tambah tinggi di tanah Kerajaan yang tidak digunakan | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)                       |
| NBOS 4 | Menubuhkan RTC di Perak                                                                                           | KKLW/ MOA                                                                |
| NBOS 5 | Memperkembangkan RTC ke seluruh negara, mewujudkan mini RTC                                                       | KKLW/ MOA                                                                |
|        | Menjadikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sebagai agen transformasi luar bandar             |                                                                          |
| NBOS 6 | UTC/ NSU                                                                                                          | Kementerian Kewangan (MOF)                                               |
|        | <i>1Malaysia Privilege Card</i>                                                                                   | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) |
|        | <i>Mobile KR1M</i>                                                                                                | KPDNKK                                                                   |
|        | Program Kemahiran dan Kebolehpasaran 1Malaysia                                                                    | Unit Perancang Ekonomi (UPE)                                             |
|        | Program 1Malaysia Keluarga Diutamakan<br><i>1Malaysia Youth Empowerment and Support</i>                           | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)          |
|        | <i>Micro-PPP</i> dan membangunkan program rumah panjang menggunakan <i>micro-PPP</i>                              | Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)                                        |
|        | Menganjurkan pameran kesihatan di Sabah dan Sarawak                                                               | Kementerian Kesihatan (MOH)                                              |
|        | Kampungku, Masa Depan                                                                                             | MOA                                                                      |

| No.    | Inisiatif                                                                                                              | Agensi                                                                             |
|--------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|
| NBOS 7 | Kejiranan Indah                                                                                                        | Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)/ KDN/ ATM |
|        | Penjagaan Keluarga 1Malaysia                                                                                           | MOH/ KPWK                                                                          |
|        | Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia                                                                                | Kementerian Pertahanan (MINDEF)                                                    |
|        | <i>Voluntourism</i>                                                                                                    | Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC)                                     |
|        | Inisiatif Wanita 1Malaysia bagi Memperkasakan Diri<br>Sokongan 1Malaysia bagi suri rumah                               | KPWKM/ Kementerian Sumber Manusia (MOHR)                                           |
|        | Program Penjaja 1Malaysia                                                                                              | KPDNKK                                                                             |
|        | 1M4U                                                                                                                   | 1M4U                                                                               |
|        | Pertandingan Strategi Lautan Biru 1M4U                                                                                 |                                                                                    |
|        | 1M4U <i>Outreach Centres</i>                                                                                           | Kementerian Pendidikan Malaysia (MOE)                                              |
|        | Pusat Panggilan Setempat 1Malaysia (1MOCC)<br>Pusat Latihan 1Malaysia                                                  | Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)                |
| NBOS 8 | Gelombang Kedua Lautan Biru Kepolisan: Kempen 1AMAN<br><i>Uniform Policing 2</i>                                       | KDN/ ATM                                                                           |
|        | Kerjasama erat bersama PDRM dan ATM                                                                                    | ATM/ PDRM                                                                          |
|        | 1Malaysia Komuniti Perwani<br>Inisiatif Wanita 1Malaysia bagi Memperkasakan Diri<br>Sokongan 1Malaysia bagi suri rumah | KPWKM/ MOHR                                                                        |
|        | <i>Military Community Transformation Centres (MCTCs)</i>                                                               | ATM                                                                                |
|        | <i>University Community Transformation Centres (UCTCs)</i>                                                             | MOE                                                                                |
|        | 1M4U <i>Outreach Centres</i>                                                                                           |                                                                                    |
|        | Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC)                                                                      | MOF                                                                                |
|        | Penempatan semula guru, doktor dan jururawat yang menjalankan tugas pentadbiran kepada tugas teras                     | MOE/ MOH/ JPA                                                                      |
| NBOS 9 | 1MeT                                                                                                                   | MOF                                                                                |
|        | Penerapan konsep NBOS dalam projek RMKe-10                                                                             | UPE                                                                                |

**Pemberian kepada badan berkanun** yang sebahagian besar terdiri daripada emolumen serta bekalan dan perkhidmatan, dijangka berkurang 8.2% kepada RM14.7 bilion (2012: 16%; RM16 bilion). Badan berkanun digalakkan menjana

lebih banyak hasil daripada sumber dalaman. 21 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan tiga hospital pengajar, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LHDN merupakan penyumbang terbesar perbelanjaan sebanyak 81%. Penerima

lain termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia (LPPM) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

**Bayaran khidmat hutang** iaitu RM22.2 bilion atau 10.3% daripada perbelanjaan mengurus kekal rendah dan terkawal (2012: RM19.5 bilion; 9.5%). Bayaran khidmat hutang perlu diutamakan berbanding perbelanjaan bekalan lain sebagai perbelanjaan tanggungan. Selain itu, sebanyak RM14.4 bilion atau 6.7% daripada perbelanjaan mengurus disediakan bagi **pencen dan ganjaran** termasuk semakan semula bayaran pencen minimum daripada RM720 kepada RM820 untuk pesara yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun mulai 1 Januari 2012 serta bantuan tunai khas RM250 dibayar kepada 660,000 pesara Kerajaan pada Julai 2013. **Pemberian kepada kerajaan negeri** dijangka stabil pada RM6.3 bilion, manakala perbelanjaan **perolehan aset** dijangka menguncup ketara 37.6% kepada RM1.1 bilion (2012: -33.6%; RM1.8 bilion) selari dengan inisiatif bersepadu seperti NBOS, yang memberi penekanan kepada penggunaan sumber yang optimum secara dalaman dan seluruh agensi kerajaan.

**Perbelanjaan pembangunan** dianggar sebanyak RM45.1 bilion pada 2013 (2012: RM46.9 bilion), merupakan perbelanjaan terendah sejak 2008. Perbelanjaan ini mengambil kira kapasiti perbelanjaan kementerian dan agensi serta kemajuan projek fizikal yang sedang dalam pelaksanaan. Jumlah ini termasuk dana bagi pelaksanaan inisiatif transformasi tujuh NKRA (RM3.9 bilion), 12 NKEA (RM3 bilion) dan SRI (RM127 juta) serta projek di bawah *rolling plan* (RP), termasuk RP ketiga pada 2013 dan 2014. Selain itu, RM2 bilion diperuntukkan sebagai Dana Fasilitasi untuk melaksanakan projek yang strategik dan memberi kesan pengganda tinggi. Dari segi peruntukan mengikut sektor, perkhidmatan ekonomi kekal sebagai penerima terbesar 61.8% diikuti perkhidmatan sosial (24.2%), keselamatan (10.1%) dan pentadbiran am (3.8%).

Hampir 62% daripada 7,873 projek fizikal di bawah beberapa RP telah siap sementara 2,849 projek masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) merangkumi 78% projek fizikal dan selebihnya terdiri daripada pelbagai program serta dana dan geran bagi tujuan strategik, kajian kemungkinan, pembangunan modal insan dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

**Sektor perkhidmatan ekonomi** diperuntukkan RM27.9 bilion pada 2013 (2012: RM28.9 bilion) selaras dengan inisiatif untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan pengeluaran ekonomi. Daripada jumlah ini, *subsektor pengangkutan* diberi peruntukan terbesar sebanyak RM8.7 bilion atau 19.3% (2012: RM10.1 bilion; 21.4%) terutamanya untuk membiayai pembinaan, penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan raya, jambatan, landasan kereta api, lapangan terbang, pelabuhan, jeti dan infrastruktur luar bandar. Keutamaan diberikan kepada penaiktarafan jalan kampung dan luar bandar seluruh negara, terutamanya di Sabah dan Sarawak dengan peruntukan berjumlah RM3.3 bilion disediakan di bawah NKRA mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar (RBI). Inisiatif ini merangsang aktiviti ekonomi di luar bandar dan memudahkan pemasaran hasil ke pusat bandar. Projek di bawah subsektor ini yang sedang dalam pelaksanaan termasuk penaiktarafan beberapa jalan utama termasuk jalan ke Taman Perindustrian Samalaju (Sarawak); Lebuhraya Bayan Lepas dari Batu Maung ke Jambatan Kedua Pulau Pinang; Jalan Persekutuan *Central Spine* antara Kuala Lipis – Gua Musang; Pintasan Rawang; dan Lebuhraya Pan-Borneo. Peruntukan berjumlah RM3.2 bilion disediakan bagi projek landasan kereta api. Projek yang sedang dilaksanakan adalah projek landasan berkembar elektrik Ipoh – Padang Besar dan Seremban – Gemas; sambungan aliran rel ekspres (ERL) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke KLIA2; dan penaiktarafan landasan kereta api, infrastruktur semboyan dan komunikasi serta kemudahan komuter di bawah projek Landasan Berkembar Lembah Klang. Projek baru pada 2013 termasuk pembinaan laluan Komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Subang Jaya – Sungai Buloh (Fasa 1) dan landasan berkembar elektrik Gemas – Johor Bahru.

JADUAL 4.4

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor  
2012 – 2014**

|                                       | RM juta       |                   |                   | Perubahan (%) |                   |                   | Bahagian (%) |                   |                   |
|---------------------------------------|---------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------------|
|                                       | 2012          | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> | 2012          | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> | 2012         | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> |
| <b>Perkhidmatan ekonomi</b>           | <b>28,936</b> | <b>27,865</b>     | <b>28,843</b>     | <b>2.8</b>    | <b>-3.7</b>       | <b>3.5</b>        | <b>61.7</b>  | <b>61.8</b>       | <b>64.8</b>       |
| antaranya:                            |               |                   |                   |               |                   |                   |              |                   |                   |
| Pertanian dan pembangunan luar bandar | 1,906         | 3,233             | 3,105             | 69.0          | 69.6              | -4.0              | 4.1          | 7.2               | 7.0               |
| Perdagangan dan perindustrian         | 5,043         | 7,032             | 5,830             | -39.7         | 39.4              | -17.1             | 10.7         | 15.6              | 13.1              |
| Pengangkutan                          | 10,065        | 8,684             | 8,672             | -0.7          | -13.7             | -0.1              | 21.4         | 19.3              | 19.5              |
| <b>Perkhidmatan sosial</b>            | <b>12,399</b> | <b>10,922</b>     | <b>10,577</b>     | <b>-1.6</b>   | <b>-11.9</b>      | <b>-3.2</b>       | <b>26.4</b>  | <b>24.2</b>       | <b>23.8</b>       |
| antaranya:                            |               |                   |                   |               |                   |                   |              |                   |                   |
| Pendidikan dan latihan                | 7,550         | 6,466             | 4,895             | -2.4          | -14.4             | -24.3             | 16.1         | 14.3              | 11.0              |
| Kesihatan                             | 1,864         | 1,777             | 1,707             | -15.5         | -4.7              | -3.9              | 4.0          | 3.9               | 3.8               |
| Perumahan                             | 524           | 643               | 1,047             | -31.2         | 22.7              | 62.7              | 1.1          | 1.4               | 2.4               |
| <b>Keselamatan</b>                    | <b>4,409</b>  | <b>4,574</b>      | <b>3,969</b>      | <b>-3.5</b>   | <b>3.7</b>        | <b>-13.2</b>      | <b>9.4</b>   | <b>10.1</b>       | <b>8.9</b>        |
| <b>Pentadbiran am</b>                 | <b>1,187</b>  | <b>1,705</b>      | <b>1,110</b>      | <b>9.4</b>    | <b>43.6</b>       | <b>-34.9</b>      | <b>2.5</b>   | <b>3.8</b>        | <b>2.5</b>        |
| <b>Jumlah</b>                         | <b>46,932</b> | <b>45,065</b>     | <b>44,500</b>     | <b>1.1</b>    | <b>-4.0</b>       | <b>-1.3</b>       | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>      | <b>100.0</b>      |
| <b>% daripada KDNK</b>                | <b>5.0</b>    | <b>4.6</b>        | <b>4.2</b>        |               |                   |                   |              |                   |                   |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.<sup>2</sup> Anggaran bajet.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sejumlah RM407 juta juga diperuntukkan bagi NKRA di bawah pengangkutan awam bandar (UPT) bertujuan menyediakan sistem pengangkutan awam yang berkesan, cekap dan bersepadu bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar. Sistem kutipan tambang automatik (AFC) akan diperluaskan ke komuter KTMB untuk melancarkan perjalanan. Pada masa kini, sistem AFC telah disediakan di transit aliran ringan (LRT), ERL, monorel KL dan bas RapidKL. Projek lain termasuk membina dan menaik taraf kemudahan letak dan naik dan menambah baik rangkaian bas henti-henti Greater KL/ Lembah Klang (Greater KL/KV). Keselamatan pengguna di stesen pengangkutan awam akan dipertingkatkan melalui pengawasan dan penguatkuasaan yang lebih baik. Selain itu, perkhidmatan percuma *Go-KL City Bus* yang dilancarkan pada Ogos 2012, akan diperluaskan dengan menambah dua laluan baru iaitu Laluan Merah (Titiwangsa – KL Sentral) dan Laluan Biru (Titiwangsa – Pasar Seni). Perkhidmatan ini telah diperkenalkan untuk

mengurangkan kesesakan lalu lintas dan kos pengangkutan dalam bandar. Kerja pembinaan projek MY Rapid Transit (MRT) dilaksanakan mengikut jadual menerusi fasa pertama dari Sungai Buloh ke Semantan yang dijangka beroperasi pada akhir Disember 2016 dan aliran penuh ke Kajang siap pada Jun 2017.

*Subsektor kemudahan awam, tenaga dan komunikasi* diperuntukkan sebanyak RM3.9 bilion atau 8.6% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2012: RM6 bilion; 12.7%). Peruntukan ini termasuk projek di bawah NKRA RBI, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Kualiti hidup di kawasan bandar dan luar bandar termasuk di estet seluruh negara juga akan dipertingkatkan melalui penyediaan bekalan air dan elektrik tanpa gangguan serta kemudahan telekomunikasi dan perkhidmatan pembentungan. Selain itu, pelaksanaan perkhidmatan jalur lebar (RM200 juta) akan diperluaskan melalui penyediaan rangkaian teras di kawasan kurang penduduk dan kawasan

bandar dengan memberi keutamaan kepada keperluan pihak berkepentingan seperti hospital, sekolah, agensi kerajaan, perniagaan dan masyarakat setempat.

*Subsektor perdagangan dan perindustrian* diperuntukkan RM7 bilion atau 15.6% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan pada 2013. Program utama termasuk penaiktarafan kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian, pembiayaan pelaburan strategik, pembangunan kemahiran dan keusahawanan serta program pembangunan vendor bagi sektor automotif. Tumpuan akan diberi kepada PKS bagi meningkatkan daya saing bagi menghadapi persekitaran liberalisasi selaras dengan obligasi perjanjian perdagangan. PKS merangkumi 97% daripada jumlah perniagaan berdaftar dan menyediakan hampir 60% pekerjaan daripada jumlah tenaga kerja. Sumbangan PKS kepada KDNK semakin meningkat berjumlah RM305 bilion pada 2012 (2011: RM288.7 bilion). Pelan Induk PKS (2012-2020) bertujuan meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK daripada 32.7% pada 2012 kepada 41% menjelang 2020. Berikutan jalinan dan kesan PKS yang meluas ke atas ekonomi, Kerajaan terus memudahkan akses PKS kepada pembiayaan, khidmat nasihat dan teknikal bagi pembangunan produk, pemasaran serta peningkatan kemahiran dan teknologi. Peruntukan sebanyak RM150 juta bagi skim pinjaman mudah dan pelbagai program bina upaya disalurkan melalui SME Corporation Malaysia (SME Corp). Peruntukan RM20 juta juga disediakan untuk promosi, pembangunan dan pemasaran produk halal. Selain itu, dana juga akan disalurkan bagi mempromosikan perusahaan francais, memodenkan koperasi serta melaksanakan pelbagai program pembangunan di bawah perbadanan kemajuan ekonomi negeri. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) diperuntukkan RM180 juta bagi pembiayaan mikro dan khidmat sokongan untuk mempromosikan pembangunan keusahawanan.

Pembangunan koridor akan disegerakan melalui peruntukan sebanyak RM1.3 bilion bagi pembangunan infrastruktur yang komprehensif dan projek khas di lima koridor wilayah. Projek

koridor ini akan menyediakan peluang pelaburan baharu, mewujudkan pekerjaan, menggalakkan pemindahan kemahiran dan teknologi serta membangunkan industri tempatan dan kemahiran keusahawanan. Projek koridor termasuk pembangunan Pusat Bandar Kuala Terengganu dan Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (MCKIP); projek rawatan bekalan air Mukah, Sarawak; kerja pembaikan jalan di Labuk dan projek industri kelapa sawit berkelompok di Lahad Datu, Sabah; dan pembinaan rumah mampu milik di Johor Selatan.

Sementara itu *subsektor kewangan* disediakan RM2.7 bilion, dengan Dana Fasilitasi, di bawah kawal selia Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), diperuntukkan jumlah terbesar. Peruntukan ini adalah bagi memastikan keupayaan sektor swasta menerajui projek yang mempunyai nilai strategik dan kesan pengganda yang ketara. Projek utama termasuk *International Maritime Gateway* dan Loji Gasifikasi Plasma untuk pelupusan hasil buangan klinikal di Negeri Sembilan serta Stesen Janakuasa *Solar Photovoltaic* di Melaka.

Kaedah pelaksanaan projek yang lain adalah Kerjasama Awam Swasta (PPP) yang digunakan dalam projek seperti jalan bertol, stesen janakuasa, pelabuhan, lapangan terbang, pengangkutan bandar, kesihatan dan pendidikan. Projek di bawah inisiatif PPP termasuk pembangunan bangunan kerajaan di Petaling Jaya; projek pembangunan bercampur di Damansara, Jinjang Selatan dan Sri Hartamas; serta pembinaan loji penjaan tenaga daripada bahan buangan di Jinjang.

*Subsektor pelancongan* diperuntukkan RM414 juta bagi menambah baik kemudahan pelancongan, menjalankan aktiviti promosi secara intensif di dalam dan luar negeri, serta mengukuhkan produk khusus pelancongan seperti agro, seni dan spa. Program sedia ada seperti pelancongan kesihatan, pendidikan dan ekopelancongan serta program inap desa dan Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) akan terus dimantapkan. Program MM2H yang popular dalam kalangan warga China, Jepun, Bangladesh, Britain dan Singapura dijangka menarik lebih 3,600 peserta

pada 2013, dan menjadikan jumlah peserta melebihi 22,000 sejak dilancarkan pada 2002. Sebanyak RM56 juta akan disalurkan untuk pembangunan semula Pulau Langkawi di bawah Pelan Induk Lima Tahun Pembangunan Pelancongan (2012). Projek ini dirangka untuk menggalakkan aktiviti pelancongan di Pulau Langkawi. Promosi yang giat juga dijalankan untuk menarik lebih ramai pelancong pada Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014 dengan peruntukan RM125 juta. Pendapatan pelancongan pada 2013 dianggarkan bernilai RM65 bilion dengan ketibaan 26.8 juta pelancong.

Peruntukan besar disediakan untuk memodenkan dan mengkomersialkan subsektor pertanian serta menambah pendapatan petani melalui kaedah pengeluaran yang mampan. Ke arah ini, *subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar* diperuntukkan RM3.2 bilion atau 7.2% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2012: RM1.9 bilion; 4.1%) untuk mencapai objektif Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020. Inisiatif akan diambil untuk meningkatkan produktiviti melalui penerapan amalan terbaik pertanian dan penggunaan teknologi; memenuhi keperluan sara diri dalam pengeluaran makanan dan mempelbagaikan keluaran tanaman; mengukuhkan persekitaran perniagaan bagi menarik pelaburan swasta; dan menggiatkan pengkomersialan output penyelidikan dan pembangunan (R&D). Perkhidmatan pengembangan pertanian dan latihan kemahiran akan ditambah baik untuk menangani cabaran sektor pertanian yang dinamik (RM18 juta). Sementara itu, usaha dipergiatkan untuk menggalakkan hasil pertanian yang bernilai tinggi, termasuk pembiakan sarang burung walit; ikan hiasan; dan udang serta penanaman rumput laut; herba dan rempah; dan florikultur. Taman penanaman herba telah diwujudkan di Chegar Perah, Pahang dan Pasir Raja, Terengganu bagi memastikan bekalan berterusan bahan mentah yang berkualiti bagi memenuhi permintaan untuk makanan kesihatan tambahan dan ubatan herba. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) akan terus menyatukan tanah sawah di bawah kaedah pertanian ladang untuk meningkatkan produktiviti, memastikan jaminan bekalan makanan jangka

panjang dan meningkatkan pendapatan pesawah. Kaedah pertanian ladang juga dipraktikkan di kawasan lain seperti di Kota Belud, Sabah dan Batang Lupar, Sarawak.

Projek lain dalam subsektor pertanian termasuk NKEA pertanian, kelapa sawit dan getah (RM1.5 bilion) yang bertujuan antara lain, untuk mempercepatkan penanaman semula dan pembukaan ladang kelapa sawit dan getah baharu, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Walaupun tumpuan dalam subsektor ini adalah untuk membina sektor pertanian yang pelbagai, moden dan mampan, Kerajaan akan terus menangani masalah kemiskinan di seluruh negara. Dalam hal ini, projek pembasmian kemiskinan, terutamanya di Sabah dan Sarawak akan memberi tumpuan kepada penyediaan infrastruktur asas, menggalakkan aktiviti yang menjana pendapatan seperti penternakan; penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran; serta perladangan secara kontrak.

Pelaburan dalam pembangunan modal insan merupakan prasyarat utama bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Dalam hal ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang dilancarkan pada September 2013 bertujuan, antara lain, untuk penambahbaikan sistem pendidikan; peningkatan kapasiti dan keupayaan institusi; dan penglibatan ibu bapa dan komuniti tempatan yang lebih besar untuk memenuhi aspirasi sistem pendidikan yang mantap. Kerajaan akan memastikan bahawa setiap kanak-kanak, tanpa mengira status sosio-ekonomi, mempunyai akses yang sama kepada pendidikan berkualiti untuk merealisasikan potensi mereka. Penekanan juga akan diberikan kepada pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan kualiti, kebolehpasaran dan taraf hidup individu. Sehubungan dengan itu, RM10.9 bilion diperuntukkan untuk **sektor perkhidmatan sosial**, dengan *subsektor pendidikan dan latihan* menerima bahagian terbesar sebanyak RM6.5 bilion atau 14.3% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2012: RM7.6 bilion; 16.1%). Peruntukan disediakan untuk pembangunan

infrastruktur, serta penyelenggaraan dan penaiktarafan peralatan di universiti, politeknik, pusat latihan kemahiran serta institusi pendidikan guru dan kolej komuniti. Aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) juga akan dipergiatkan untuk meningkatkan martabat dan kedudukan di peringkat antarabangsa; memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu; serta menggalakkan budaya keusahawanan.

Projek utama yang sedang dilaksanakan termasuk penaiktarafan dan pembesaran beberapa universiti termasuk Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Keperluan industri akan dipenuhi melalui program latihan kemahiran intensif di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), politeknik, pusat latihan kemahiran dan kolej komuniti. Projek pada 2013 termasuk pembinaan lima politeknik di Johor, Pulau Pinang dan Sarawak serta dua kolej komuniti di Sabah dan Pulau Pinang. Projek lain dalam perancangan termasuk institut latihan kemahiran di Kelantan dan Pulau Pinang, dan penambahbaikan UniKL Malaysian Institute of Aviation Technology di Selangor. Peruntukan yang besar juga disediakan untuk mengukuhkan pendidikan pra-sekolah (RM27 juta), pendidikan rendah (RM312 juta) dan pendidikan menengah (RM900 juta). Lima sekolah rendah dan menengah sedang dalam pembinaan di Putrajaya, Johor, Sarawak dan Sabah. Malaysia mengambil perhatian akan kepentingan untuk bersaing bagi mendapatkan modal insan terbaik dalam dunia globalisasi ini. Sehubungan dengan itu, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) yang ditubuhkan pada Januari 2011, terus bekerjasama dengan diaspora Malaysia untuk menyumbang kepada pembangunan negara. TalentCorp juga bekerjasama erat dengan pihak industri dan institusi latihan untuk menangani jurang kemahiran serta memupuk, mengekal, dan melabur untuk kemahiran dalam negara.

Penyediaan penjagaan kesihatan yang berkualiti terus menjadi keutamaan Kerajaan, dicerminkan oleh peruntukan besar yang telah disediakan bagi *subsektor kesihatan* iaitu RM1.8 bilion atau

3.9% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2012: RM1.9 bilion; 4%). Perbelanjaan ini adalah untuk pembelian tanah; pembinaan, penaiktarafan dan penyelenggaraan hospital dan klinik kesihatan; pembelian peralatan perubatan dan kesihatan; peningkatan sistem teknologi maklumat hospital; serta latihan kemahiran. Projek utama yang sedang dijalankan termasuk pembinaan, penaiktarafan atau pembesaran hospital di Kangar, Seberang Jaya, Kota Kinabalu, dan Tuaran. Projek baru yang sedang dijalankan termasuk pembinaan hospital di Rembau (Negeri Sembilan), Bera (Pahang) serta Petra Jaya dan Sri Aman (Sarawak). Akses kepada kemudahan kesihatan dan pergigian di luar bandar akan terus diperkukuh untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat di kawasan pedalaman.

Peruntukan sebanyak RM643 juta bagi *subsektor perumahan* digunakan untuk membina rumah mampu milik bagi golongan miskin, berpendapatan rendah dan sederhana di seluruh negara. Sejumlah 45 projek melibatkan 20,454 unit di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) akan dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN). Sementara itu, 9,578 unit PPR Disewa dan 4,163 unit PPR Dimiliki sedang dalam pembinaan, manakala 3,080 unit PPR Dimiliki akan mula dibina. Kadar sewa bulanan untuk PPR Disewa adalah RM124, manakala PPR Dimiliki dikhususkan kepada isi rumah berpendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan. Memandangkan populariti rumah mampu milik ini, skim pembinaan perumahan awam dipercepatkan serta projek perumahan terbengkalai dipulihkan. Dana berjumlah RM153 juta turut disediakan bagi menyelenggara dan membaik pulih projek perumahan kos rendah awam dan swasta bagi memastikan persekitaran hidup yang selamat dan kondusif. Bagi kumpulan berpendapatan sederhana, pemilikan rumah dipermudahkan melalui Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) untuk menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti (RM200 juta). Isi rumah berpendapatan bulanan antara RM2,500 dan RM7,500 layak untuk mendaftar dengan PR1MA. Pada akhir September 2013, Syarikat PR1MA Berhad telah meluluskan 30 projek perumahan di seluruh negara yang melibatkan 38,757 unit untuk golongan berpendapatan sederhana.

Kerajaan terus menyediakan peruntukan yang besar untuk menaik taraf dan menambah baik kemudahan dan perkhidmatan di *peringkat kerajaan tempatan* (RM896 juta) serta *pembangunan masyarakat dan luar bandar* (RM436 juta). Perbelanjaan terutamanya untuk pengurusan sisa pepejal; perkhidmatan bomba dan penyelamat; sistem pengkomputeran pihak berkuasa tempatan; projek-projek kecil; dan perkhidmatan kebajikan untuk warga emas dan golongan miskin. Projek lain termasuk menaik taraf dan membina taman dan kemudahan rekreasi serta memulihkan sungai dan projek tebatan banjir. Bagi mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan masyarakat luar bandar, keutamaan akan diberi kepada skim pemulihan kampung dan program galakan pendidikan, latihan kemahiran dan aktiviti yang menjana pendapatan. Program yang menggalakkan sikap berdikari dan memupuk keusahawanan serta pembangunan kemahiran dalam kalangan miskin bandar dan luar bandar terus diberi keutamaan (RM244 juta). Pendapatan benar golongan miskin tegar di kawasan kurang membangun dan pedalaman akan dipertingkatkan melalui beberapa projek agropolitan di bawah Skim Program Lonjakan Mega (RM50 juta) di Sarawak (Batang Sadung, Batang Lupa, Pulau Bruit, Gunung Sadok dan Nanga Sekuau), Sabah (Pulau Banggi dan Gana), Kedah (Sik), Perak (Ganda), dan Pahang (Tanjung Gahai dan Chemomoi). Projek ini melibatkan, antara lain, penanaman getah dan kelapa sawit serta tanaman kontan lain dan akuakultur.

*Subsektor perkhidmatan kebajikan, perpaduan nasional dan orang asli* diperuntukkan RM286 juta. Sebanyak RM116 juta disediakan untuk menambah baik perkhidmatan kebajikan kepada golongan miskin, warga emas dan golongan mudah terjejas, manakala RM170 juta disediakan untuk memastikan masyarakat orang asli mendapat manfaat daripada pembangunan melalui kemudahan jalan raya yang lebih baik; sekolah; bekalan air dan elektrik tanpa gangguan; dan penglibatan aktif dalam aktiviti penajaan pendapatan. Selain itu, sebanyak RM383 juta juga diberikan kepada *subsektor kebudayaan, belia dan sukan* untuk pelbagai program dan projek di bawah Arkib Negara,

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan Perpustakaan Negara serta program seni dan kraf lain. Tumpuan juga diberi kepada pembangunan atlet dan program kepimpinan belia serta menaik taraf kemudahan belia, sukan dan rekreasi lain.

Anggaran perbelanjaan bagi **sektor keselamatan** adalah sebanyak RM4.6 bilion atau 10.1% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2012: RM4.4 bilion; 9.4%). Daripada jumlah ini, RM3.9 bilion diperuntukkan bagi *subsektor pertahanan*, manakala RM630 juta untuk *keselamatan dalam negeri*. Peruntukan digunakan untuk mengukuhkan pertahanan awam; membina dan membaik pulih kemudahan; membeli dan menaik taraf peralatan; memperkasakan pengawasan dan penguatkuasaan serta meningkatkan kapasiti dan keupayaan anggota beruniform melalui latihan kemahiran. Penyampaian perkhidmatan akan terus ditambah baik khususnya di Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Penjara di seluruh negara. Selanjutnya, RM125 juta disediakan di bawah NKRA untuk memerangi jenayah. Inisiatif termasuk peningkatan program Bandar Selamat; penubuhan *Command and Control Communication and Computer Integration System* (C4I); pelaksanaan aplikasi Butang Panik telefon pintar serta mengoptimumkan penggunaan tenaga polis dan masyarakat tempatan untuk membasmi kawasan hitam.

**Pentadbiran am** diperuntukkan RM1.7 bilion (2012: RM1.2 bilion) bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Usaha bersepadu akan diambil untuk memastikan perkhidmatan awam terus menyokong aktiviti sektor swasta dan menangani masalah rakyat. Proses kerja akan sentiasa dikaji semula dan struktur tadbir urus ditambah baik supaya fungsi, kaedah pelaksanaan dan akauntabiliti Kerajaan menjadi lebih jelas. Peruntukan juga disediakan untuk pelbagai projek ICT dan menaik taraf sistem komputer di jabatan Kerajaan. Pembangunan baharu dan penggunaan meluas aplikasi e-Kerajaan dan penyampaian perkhidmatan awam melalui media baharu akan dipertingkatkan. Pusat Panggilan Setempat 1Malaysia (1MOCC) yang dilancarkan pada

November 2012 merupakan pusat perhubungan sehati untuk pertanyaan, aduan dan maklum balas awam melalui telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS), faks, e-mel dan media sosial. Peruntukan juga disediakan bagi pembelian tanah, bangunan dan kelengkapan serta pengubahsuaian, pemulihan dan penyelenggaraan kemudahan Kerajaan. Budaya selenggara dalam sektor awam terus diperkukuhkan untuk menggalakkan penggunaan aset secara berhemah.

## Pembiayaan

### *Kebergantungan kepada pembiayaan daripada sumber dalam negeri*

Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan dijangka berkurangan pada 2013 terutamanya disebabkan oleh keperluan pembiayaan defisit yang lebih rendah. Kadar tabungan yang tinggi, kadar inflasi yang rendah dan stabil serta lebihan dalam akaun semasa menyediakan kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan kepada Kerajaan untuk mendapatkan pembiayaan dalam negeri tanpa menjejaskan peluang sektor swasta. Berikutan kutipan hasil dijangka melebihi perbelanjaan mengurus, pinjaman hanya untuk membiayai perbelanjaan pembangunan, selaras dengan peraturan fiskal yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pinjaman kasar Kerajaan bagi 2013 dijangka sebanyak RM96.1 bilion. Daripada jumlah ini, RM95.7 bilion atau 99.6% adalah pinjaman domestik, manakala RM408 juta daripada sumber luar negeri. Sejumlah RM55.8 bilion digunakan untuk bayaran balik hutang sedia ada dan baki RM40.3 bilion untuk membiayai defisit.

Pada 2013, RM53.7 bilion akan diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), manakala baki RM42 bilion melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK). SKM merupakan sumber pembiayaan terbesar merangkumi 56.1% daripada jumlah pinjaman kasar domestik. Walau bagaimanapun, permintaan yang semakin meningkat ke atas produk patuh syariah yang berkualiti tinggi menyebabkan terbitan TPK yang lebih tinggi dalam beberapa tahun kebelakangan ini. TPK kini menyumbang 43.9% daripada pinjaman

JADUAL 4.5

### Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2012 – 2013

|                                   | RM juta       |                   | Bahagian (%) |                   |
|-----------------------------------|---------------|-------------------|--------------|-------------------|
|                                   | 2012          | 2013 <sup>1</sup> | 2012         | 2013 <sup>1</sup> |
| <b>Pinjaman kasar</b>             | <b>96,928</b> | <b>96,146</b>     | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>      |
| <b>Dalam negeri</b>               | <b>96,244</b> | <b>95,738</b>     | <b>99.3</b>  | <b>99.6</b>       |
| Terbitan pelaburan                | 42,000        | 42,000            | 43.3         | 43.7              |
| Sekuriti kerajaan                 | 54,244        | 53,738            | 56.0         | 55.9              |
| <b>Luar negeri</b>                | <b>684</b>    | <b>408</b>        | <b>0.7</b>   | <b>0.4</b>        |
| Pinjaman pasaran                  | 0             | 0                 | 0.0          | 0.0               |
| Pinjaman projek                   | 684           | 408               | 0.7          | 0.4               |
| <b>Bayaran balik</b>              | <b>53,597</b> | <b>55,844</b>     | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>      |
| Dalam negeri                      | 52,900        | 55,212            | 98.7         | 98.9              |
| Luar negeri                       | 697           | 632               | 1.3          | 1.1               |
| <b>Pinjaman bersih</b>            | <b>43,331</b> | <b>40,302</b>     |              |                   |
| Dalam negeri                      | 43,344        | 40,526            |              |                   |
| Luar negeri                       | -13           | -224              |              |                   |
| <b>Perubahan aset<sup>2</sup></b> | <b>-1,380</b> | <b>-1,049</b>     |              |                   |
| <b>Jumlah</b>                     | <b>41,951</b> | <b>39,253</b>     |              |                   |

<sup>1</sup> Anggaran.

<sup>2</sup> (-) bererti pertambahan harta.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

kasar domestik berbanding hanya 18.5% sebelum krisis kewangan pada 2007. Penerimaan meluas terhadap TPK mencerminkan keyakinan pasaran terhadap asas ekonomi Malaysia apabila pelabur tulen mengambil langkah mempelbagaikan risiko dan mengimbangi semula portfolio pelaburan untuk mendapatkan pulangan yang stabil. Semua terbitan SKM dan TPK dijangka dilakukan melalui tender terbuka bagi memanfaatkan kadar faedah yang rendah, kecairan dalam pasaran kewangan dan terus membangunkan pasaran modal yang dalam, cair dan stabil.

Daripada jumlah terbitan SKM sebanyak RM53.7 bilion pada 2013, RM26 bilion akan diterbitkan melalui tujuh terbitan baharu dan selebihnya RM25.5 bilion melalui penerbitan

semula lapan SKM, manakala baki RM2.2 bilion melalui *switch auction* SKM sedia ada. *Switch auction* ini telah dilakukan sebagai sebahagian daripada pengurusan hutang yang aktif untuk mengurangkan timbunan penebusan hutang. Tujuh terbitan merupakan hutang jangka panjang dengan tempoh matang 10 tahun dan ke atas. Ini bagi memenuhi permintaan industri ke atas hutang berdaulat Kerajaan yang berkualiti dan mengurangkan timbunan penebusan SKM yang mempunyai implikasi kepada pengurusan aliran tunai Kerajaan. Terbitan SKM dengan tempoh matang 30 tahun yang bernilai RM2.5 bilion telah diterbitkan buat pertama kali pada 30 September 2013 dan telah diterima baik oleh pelabur, termasuk syarikat insurans dan institusi pelaburan. Kadar kupon terbitan baharu SKM dengan tempoh matang antara 10 hingga 30 tahun adalah antara 3.48% hingga 4.94% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2013.

TPK yang dijangka diterbitkan pada 2013 merangkumi sembilan terbitan baharu (RM31 bilion) dan tiga terbitan semula (RM11 bilion). Lima terbitan dijangka diterbitkan dengan tempoh matang 10, 15 dan 20 tahun bagi memenuhi permintaan khusus terhadap terbitan bertempoh matang lebih panjang serta membangunkan lagi pasaran modal Islam. Bagi meningkatkan kecairan dan dagangan TPK, serta menarik asas pelaburan yang lebih luas, termasuk institusi pelaburan dari Timur Tengah, Kerajaan buat pertama kali pada Julai 2013, telah menerbitkan TPK bernilai RM4 bilion berasaskan kontrak Murabahah. TPK Murabahah bertempoh matang 3 tahun yang patuh syariah ini merupakan sijil hutang bersandarkan kepada penjualan aset pada harga lebih tinggi secara tertangguh (terutamanya CPO). Terbitan TPK yang seterusnya dijangka akan berdasarkan struktur yang diterima secara meluas ini.

Permintaan terhadap SKM dan TPK terus kekal walaupun keadaan tidak menentu dalam pasaran kewangan global, berikutan institusi pelaburan jangka panjang seperti dana pencen dan keselamatan sosial, syarikat insurans dan bank serta bank pusat serantau mencari instrumen

hutang berkualiti yang dapat memberi pulangan yang stabil dan berterusan. Ekonomi Malaysia telah dapat mengharungi tekanan jualan serta volatiliti mata wang memandangkan ia mempunyai beberapa kelebihan, termasuk pasaran kewangan yang teguh; perantara yang kukuh; dan hutang luar negeri yang rendah. Tarikan pelaburan kekal tinggi dengan ketiadaan cukai pegangan dan cukai keuntungan modal sementara pelabur adalah bebas untuk melindungi nilai pelaburan mereka. Susulan daripada itu, pegangan asing dalam SKM dan TPK terus meningkat daripada 11.4% pada akhir Disember 2008 kepada 31% pada akhir Jun 2013, mencerminkan keyakinan terhadap kekukuhan dan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sehingga akhir Jun 2013, pemegang terbesar SKM dan TPK adalah pelabur asing dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang masing-masing memegang 31%, diikuti oleh institusi perbankan (16.7%) dan institusi bukan perbankan (13.3%).

Jumlah pinjaman luar negeri kasar bagi 2013 dijangka terus berkurangan berikutan ketiadaan terbitan luar yang baharu dan pembayaran balik bersih pinjaman projek. Sejumlah RM408 juta dijangka dikeluarkan daripada sumber pinjaman dua hala bagi membiayai projek dan program yang sedang dijalankan iaitu pemindahan air mentah Pahang – Selangor serta melengkapkan *Malaysia-Japan Institute of Technology* yang menawarkan program sarjana dan sarjana muda dalam bidang sains dan teknologi.

## Hutang

### *Hutang Kerajaan kekal mampan*

Kerajaan akan memastikan paras hutang kekal mampan melalui dasar makroekonomi yang baik, strategi pengurusan hutang yang berhemat dan pematuhan kepada peraturan fiskal. Pada akhir Jun 2013, hutang luar negeri adalah lebih tinggi iaitu 28.8% daripada KDNK (2012: 26.9%), manakala hutang Kerajaan Persekutuan dijangka tidak akan melebihi paras berhemat 55% daripada KDNK pada 2013.

JADUAL 4.6

**Hutang Kerajaan Persekutuan  
2012 – 2013**

|                            | RM juta        |                   | Bahagian (%) |                   | KDNK (%)    |                   |
|----------------------------|----------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------|-------------------|
|                            | 2012           | 2013 <sup>1</sup> | 2012         | 2013 <sup>1</sup> | 2012        | 2013 <sup>1</sup> |
| <b>Hutang dalam negeri</b> | <b>484,769</b> | <b>523,895</b>    | <b>96.6</b>  | <b>96.8</b>       | <b>51.5</b> | <b>53.0</b>       |
| Bil Perbendaharaan         | 4,320          | 4,320             | 0.9          | 0.8               | 0.5         | 0.4               |
| Terbitan Pelaburan         | 145,899        | 173,500           | 29.1         | 32.1              | 15.5        | 17.6              |
| Sekuriti Kerajaan          | 292,150        | 305,075           | 58.2         | 56.4              | 31.0        | 30.9              |
| Tabung Pinjaman Perumahan  | 42,400         | 41,000            | 8.5          | 7.6               | 4.5         | 4.2               |
| <b>Hutang luar negeri</b>  | <b>16,848</b>  | <b>17,397</b>     | <b>3.4</b>   | <b>3.2</b>        | <b>1.8</b>  | <b>1.8</b>        |
| Pinjaman pasaran           | 10,053         | 10,826            | 2.0          | 2.0               | 1.1         | 1.1               |
| Pinjaman projek            | 6,795          | 6,571             | 1.4          | 1.2               | 0.7         | 0.7               |
| <b>Jumlah</b>              | <b>501,617</b> | <b>541,292</b>    | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>      | <b>53.3</b> | <b>54.8</b>       |

<sup>1</sup> Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada RM541.3 bilion atau 54.8% daripada KDNK (2012: RM501.6 bilion; 53.3%) disebabkan oleh pinjaman dalam negeri yang lebih tinggi untuk memenuhi keperluan pembiayaan. Hutang dalam negeri, terutamanya dalam ringgit, menyumbang sebanyak 96.8% atau RM523.9 bilion (2012: 96.6%; RM484.8 bilion). Sementara itu, hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sedikit kepada RM17.4 bilion atau 1.8% daripada KDNK (2012: RM16.8 bilion; 1.8%), berikutan pengukuhan nilai mata wang USD. Walau bagaimanapun, hutang luar negeri yang sebahagian besarnya dalam mata wang USD dan yen hanya menyumbang 3.2% kepada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, hutang Kerajaan Persekutuan sebahagian besarnya kekal tidak terdedah kepada risiko pertukaran wang asing.

Walaupun tahap hutang kekal tinggi, khususnya sejak krisis kewangan global 2008, kapasiti khidmat hutang adalah dalam tahap yang berhemat. Kerajaan akan memastikan nisbah bayaran khidmat hutang kepada hasil 10.1% (2012: 9.4%) tidak akan menjejaskan perbelanjaan program

yang produktif. Bagi memastikan kewangan Kerajaan kekal kukuh, bayaran khidmat hutang dihadkan di bawah paras 15% daripada jumlah hasil manakala jumlah hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK.

**Hutang luar negeri** atau hutang negara merangkumi hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta. Pada akhir Jun 2013, jumlah hutang luar negeri meningkat kepada RM284.7 bilion (akhir 2012: RM252.8 bilion) terutamanya disebabkan oleh pinjaman bersih bagi hutang jangka pendek serta hutang jangka sederhana dan panjang oleh sektor swasta. Kenaikan dalam paras hutang juga disebabkan oleh pengukuhan beberapa mata wang utama berbanding dengan ringgit dalam tempoh enam bulan pertama 2013. Hutang luar negeri adalah dalam mata wang USD (71.5%), yen (5.3%), euro (2.9%) dan mata wang lain (20.2%).

Hutang jangka sederhana dan panjang yang merangkumi sebanyak 59.8% daripada hutang luar negeri meningkat kepada RM170.3 bilion pada

JADUAL 4.7

**Hutang Luar Negeri  
2012 – 2013**

|                                            | RM juta        |                   | Bahagian (%) |                   | KDNK (%)    |                   |
|--------------------------------------------|----------------|-------------------|--------------|-------------------|-------------|-------------------|
|                                            | 2012           | 2013 <sup>1</sup> | 2012         | 2013 <sup>1</sup> | 2012        | 2013 <sup>1</sup> |
| <b>Hutang jangka sederhana dan panjang</b> | <b>159,788</b> | <b>170,256</b>    | <b>63.2</b>  | <b>59.8</b>       | <b>17.0</b> | <b>17.2</b>       |
| Sektor awam                                | 82,882         | 82,219            | 32.8         | 28.9              | 8.8         | 8.3               |
| Kerajaan Persekutuan                       | 16,848         | 16,453            | 6.7          | 5.8               | 1.8         | 1.7               |
| PABK                                       | 66,034         | 65,766            | 26.1         | 23.1              | 7.0         | 6.7               |
| Dijamin                                    | 10,358         | 9,765             | 4.1          | 3.4               | 1.1         | 1.0               |
| Tidak dijamin                              | 55,676         | 56,002            | 22.0         | 19.7              | 5.9         | 5.7               |
| Sektor swasta                              | 76,906         | 88,036            | 30.4         | 30.9              | 8.2         | 8.9               |
| <b>Hutang jangka pendek</b>                | <b>92,964</b>  | <b>114,428</b>    | <b>36.8</b>  | <b>40.2</b>       | <b>9.9</b>  | <b>11.6</b>       |
| <b>Jumlah</b>                              | <b>252,752</b> | <b>284,683</b>    | <b>100.0</b> | <b>100.0</b>      | <b>26.9</b> | <b>28.8</b>       |

<sup>1</sup> Akhir Jun 2013.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

akhir Jun 2013 (akhir 2012: 63.2%; RM159.8 bilion) disebabkan oleh aktiviti pinjaman bersih oleh sektor swasta bukan perbankan. Pinjaman luar negeri adalah untuk pelaburan, terutamanya oleh syarikat dalam sektor pembuatan, perlombongan dan kuari, kewangan dan insurans serta subsektor pengangkutan dan penyimpanan. Sebaliknya, hutang luar negeri sektor awam lebih sederhana kepada RM82.2 bilion (akhir 2012: RM82.9 bilion) berikutan bayaran balik bersih pinjaman luar

negeri oleh PABK dan Kerajaan Persekutuan. PABK terlibat termasuk dalam sektor kewangan, insurans dan pembuatan. Sektor swasta menyumbang sebanyak 51.7% kepada hutang jangka sederhana dan panjang, diikuti oleh PABK (38.6%) dan Kerajaan Persekutuan (9.7%).

Hutang jangka pendek yang mencakupi 40.2% daripada hutang luar negeri meningkat ketara kepada RM114.4 bilion pada akhir Jun 2013

### Jaminan Kerajaan

- Kerajaan Persekutuan menyediakan jaminan kepada badan berkanun, syarikat milik kerajaan dan kerajaan negeri dengan kelulusan Jemaah Menteri. Pinjaman yang dibuat oleh entiti ini diperoleh daripada sumber tempatan atau luar negara.
- Jaminan Kerajaan adalah tertakluk di bawah akta berikut:
  - Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965; dan
  - Akta Tatacara Kewangan 1957.
- Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 memerlukan syarikat diwartakan sebagai pertubuhan perbadanan sebelum dibenarkan membuat pinjaman. Terma dan syarat utama pinjaman adalah perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan. Syarikat tidak dibenarkan membuat pinjaman seterusnya sekiranya terdapat jaminan yang belum selesai kecuali dengan persetujuan Menteri Kewangan.

- Kerajaan turut menyediakan jaminan untuk pinjaman yang dibuat di bawah skim galakan seperti perumahan awam, harta intelek dan teknologi hijau. Di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan bekerjasama dengan bank yang terlibat dan memberi jaminan kepada sebahagian daripada dana yang diperuntukkan bagi skim tersebut. Sebarang risiko kegagalan pembayaran balik dikongsi bersama oleh Kerajaan dan bank mengikut kadar yang dijamin. Sebagai contoh, semasa krisis kewangan 2008/2009, Kerajaan telah memperkenalkan tiga skim jaminan berjumlah RM25 billion bagi memastikan aliran kredit yang berterusan untuk menyokong aktiviti ekonomi serta memulihkan keyakinan perniagaan.
- Jaminan Kerajaan disediakan bagi membolehkan badan berkanun, syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat milik kerajaan negeri untuk menjalankan projek strategik yang mempunyai tempoh matang panjang; memerlukan perbelanjaan modal besar; atau kurang berdaya maju dari segi komersial dan berisiko tetapi penting kepada pembangunan pertumbuhan industri baharu. Projek yang mempunyai jaminan Kerajaan meningkatkan keyakinan pelabur dan memudahkan akses pembiayaan pada kadar yang kompetitif. Secara umumnya, pelabur akan lebih tertarik kepada sesuatu projek sekiranya ia disokong oleh jaminan Kerajaan. Penggunaan jaminan Kerajaan juga boleh dipertimbangkan sekiranya sumber kewangan Kerajaan terhad.
- Jaminan Kerajaan bukan merupakan satu bentuk hutang. Walau bagaimanapun, ia merupakan liabiliti luar jangka atau liabiliti secara tidak langsung kepada Kerajaan. Kerajaan hanya perlu menanggung hutang tersebut sekiranya peminjam gagal untuk membayar balik pinjaman. Oleh itu, jaminan Kerajaan diberikan secara teliti dengan syarat yang ketat seperti berikut:
  - Hanya badan berkanun serta syarikat milik Kerajaan dan kerajaan negeri sahaja yang layak;
  - Untuk membiayai projek yang:
    - i. Mempunyai kepentingan strategik kepada negara seperti pelabuhan, lapangan terbang dan jambatan;
    - ii. Menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan; dan
    - iii. Memberi faedah secara langsung kepada rakyat seperti infrastruktur awam, pendidikan, pengangkutan dan tenaga.
  - Keupayaan syarikat untuk membayar balik hutang diteliti bagi mengelakkan kemungkinan kegagalan pembayaran; dan
  - Syarikat milik kerajaan negeri hanya diberi jaminan sekiranya terdapat jaminan berulang daripada kerajaan negeri.
- Untuk mengukuhkan disiplin fiskal, mengelakkan penyalahgunaan dan memastikan kesan yang minimum pada kewangan Kerajaan, undang-undang dan peraturan penerbitan jaminan Kerajaan sentiasa dikaji secara berterusan. Peraturan yang perlu dipatuhi termasuk:
  - Mengenakan fi ke atas jaminan yang diterbitkan mulai 2012, khususnya bagi projek yang menjana pendapatan. Fi yang dikutip akan dipindahkan ke akaun amanah jaminan kerajaan yang bakal ditubuhkan. Kutipan fi merupakan rizab yang akan dilaburkan untuk menjana pendapatan bagi mengurangkan kesan ke atas Kerajaan sekiranya berlaku kegagalan pembayaran oleh peminjam;
  - Pembiayaan perlu diperolehi daripada sumber domestik melainkan terdapat kekurangan kecairan di pasaran;
  - Peminjam dipantau dengan teliti dan dikehendaki untuk mengemukakan laporan suku tahunan bayaran balik pinjaman; dan
  - Pinjaman yang baru dan akan dipohon oleh peminjam sedia ada adalah tertakluk kepada kelulusan Kerajaan.

(akhir 2012: 36.8%; RM93 bilion) terutamanya disebabkan oleh pengeluaran bersih pinjaman antara bank dan pengukuhan nilai mata wang utama berbanding ringgit. Aktiviti antara bank adalah lebih tinggi, sebahagian besarnya untuk pembiayaan pelaburan tempatan dan luar negeri serta aktiviti pembiayaan domestik. Walau bagaimanapun, hutang sektor swasta bukan perbankan kekal stabil pada RM12.5 bilion, manakala bayaran balik bersih yang tinggi oleh PABK mengurangkan hutang luar negeri kepada RM7 juta (akhir 2012: RM232 juta). Sektor perbankan kekal sebagai pemegang terbesar hutang jangka pendek sebanyak RM102 bilion (89.1%), diikuti sektor swasta bukan perbankan sebanyak RM12.5 bilion (10.9%) dan PABK. Pada akhir Jun 2013, nisbah khidmat hutang luar negeri adalah pada 10.7%, berikutan pendapatan eksport yang mampan bagi memenuhi obligasi khidmat hutang, sementara rizab antarabangsa sebanyak RM432.8 bilion (USD136.1 bilion) mencukupi untuk menampung 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

## Kerajaan Negeri

### Defisit keseluruhan kecil

Kerajaan negeri dijangka menanggung perbelanjaan yang secara signifikan lebih tinggi untuk mengekalkan aktiviti ekonomi, menggalakkan pembangunan inklusif dan meningkatkan kualiti perkhidmatan, meskipun mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dijangka mencatatkan lebihan semasa yang lebih rendah kepada RM8.3 bilion (2012: RM11.3 bilion) disebabkan oleh peningkatan ketara dalam perbelanjaan mengurus berbanding hasil yang menurun. Seterusnya, peningkatan ketara perbelanjaan pembangunan yang melebihi pertumbuhan hasil berikutan komitmen yang lebih tinggi, kedudukan kewangan kerajaan negeri secara keseluruhannya dijangka mencatatkan defisit kecil RM196 juta pada 2013, kali pertama sejak 2003 (2012: RM4.3 bilion). Defisit ini akan dibiayai sebahagian besarnya daripada geran dan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan serta aset kewangan kerajaan negeri.

JADUAL 4.8

### Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2012 – 2013

|                                 | RM juta      |                   | Perubahan (%) |                   |
|---------------------------------|--------------|-------------------|---------------|-------------------|
|                                 | 2012         | 2013 <sup>1</sup> | 2012          | 2013 <sup>1</sup> |
| <b>Akaun Semasa</b>             |              |                   |               |                   |
| Hasil                           | 21,480       | 20,067            | 8.8           | -6.6              |
| Perbelanjaan mengurus           | 10,166       | 11,751            | 11.9          | 15.6              |
| Baki akaun semasa               | 11,314       | 8,316             |               |                   |
| <b>Perbelanjaan pembangunan</b> |              |                   |               |                   |
| Perbelanjaan pembangunan kasar  | 7,250        | 8,710             | 11.0          | 20.1              |
| Kumpulan wang pembangunan       | 7,154        | 8,587             |               |                   |
| Kumpulan wang bekalan air       | 97           | 123               |               |                   |
| Tolak: Terimaan balik pinjaman  | 274          | 199               |               |                   |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 6,976        | 8,512             | 13.3          | 22.0              |
| <b>Baki keseluruhan</b>         | <b>4,338</b> | <b>-196</b>       |               |                   |
| <b>% daripada KDNK</b>          | <b>0.5</b>   | <b>0.0</b>        |               |                   |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Jumlah hasil negeri terdiri daripada cukai langsung dan tidak langsung (18.2%), hasil bukan cukai (55.3%) dan terimaan bukan hasil (26.5%) terutamanya geran dan bayaran ganti Kerajaan Persekutuan. Selaras dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang sederhana, jumlah hasil dijangka menguncup 6.6% kepada RM20.1 bilion (2012: 8.8%; RM21.5 bilion). Pengurangan hasil ini disebabkan oleh jangkaan terimaan yang lebih rendah daripada keseluruhan komponen utama hasil bukan cukai seperti fi daripada bayaran lesen dan permit; royalti petroleum dan perhutanan; pendapatan pelaburan; premium tanah; serta terimaan daripada penyediaan barangan dan perkhidmatan. Sebaliknya, cukai langsung dijangka mencatatkan pertumbuhan kukuh pada 12% kepada RM2 bilion (2012: 4.4%; RM1.8 bilion) yang dilonjakkan oleh kutipan cukai tanah, cukai parit dan tali air serta cukai lain berasaskan tanah. Sumber lain cukai langsung termasuk terimaan daripada hasil hutan dan sewa

lombong. Sementara itu, cukai tidak langsung dijangka berkurang 15.8% kepada RM1.6 bilion (2012: -7.9%; RM1.9 bilion) berikutan kutipan cukai jualan yang lebih rendah oleh Sabah dan Sarawak, disebabkan oleh harga CPO yang sederhana. Cukai jualan merupakan penyumbang terbesar kepada cukai tidak langsung. Pemberian dan bayaran ganti daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM4.2 bilion adalah terutamanya untuk membiayai projek infrastruktur dan sosial serta menaik taraf kemudahan awam.

Jumlah perbelanjaan dijangka meningkat 17.5% kepada RM20.5 bilion (2012: 11.5%; RM17.4 bilion). Perbelanjaan mengurus, merangkumi 57.4% daripada jumlah perbelanjaan, dijangka meningkat 15.6% kepada RM11.8 bilion (2012: 58.4%; 11.9%; RM10.2 bilion). Emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta pembelian aset mencakupi 66% daripada perbelanjaan mengurus. Emolumen dijangka meningkat 6% berikutan kenaikan gaji penjawat awam Persekutuan pada Julai 2013 yang juga layak diterima oleh penjawat awam negeri. Perbelanjaan pembangunan juga dijangka berkembang 20.1% kepada RM8.7 bilion (2012: 11%; RM7.3 bilion) bagi membiayai projek pertanian dan pembangunan luar bandar; bekalan air; kemudahan awam; pengangkutan; perumahan; serta pengairan dan saliran. Kerajaan negeri akan terus meningkatkan penyampaian perkhidmatan, menyelaraskan peraturan serta

menaik taraf dan memodenkan infrastruktur fizikal bagi menyokong aktiviti industri dan komersial ke arah mengekalkan daya saing dan menarik projek pelaburan baharu.

## Sektor Kerajaan

### *Defisit lebih tinggi*

Kedudukan fiskal sektor kerajaan terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun dijangka mencatatkan defisit lebih tinggi 4.0% daripada KDNK pada 2013 (2012: -2.8%). Ini disebabkan oleh jangkaan jumlah perbelanjaan yang lebih tinggi mengatasi pertumbuhan hasil yang kecil. Sementara itu, peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada badan berkanun dan kerajaan negeri dalam bentuk geran dan pindahan kekal stabil pada RM21 bilion (2012: RM21.7 bilion).

## Perusahaan Awam Bukan Kewangan

### *Pelaburan yang kukuh*

Persekitaran luar yang mencabar serta pertumbuhan ekonomi domestik dan harga komoditi yang sederhana dijangka memberi

JADUAL 4.9

### Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan 2012 – 2014

|                          | RM juta        |                   |                   | Perubahan (%) |                   |                   |
|--------------------------|----------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|
|                          | 2012           | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> | 2012          | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> |
| <b>Akaun semasa</b>      |                |                   |                   |               |                   |                   |
| Hasil                    | 250,623        | 251,879           | 257,101           | 15.2          | 0.5               | 2.1               |
| Perbelanjaan mengurus    | 226,487        | 239,239           | 239,986           | 14.0          | 5.6               | 0.3               |
| <b>Baki akaun semasa</b> | <b>24,136</b>  | <b>12,639</b>     | <b>17,114</b>     |               |                   |                   |
| Perbelanjaan pembangunan | 50,867         | 52,572            | 53,144            | -1.8          | 3.4               | 1.1               |
| <b>Baki keseluruhan</b>  | <b>-26,731</b> | <b>-39,933</b>    | <b>-36,030</b>    |               |                   |                   |
| <b>% daripada KDNK</b>   | <b>-2.8</b>    | <b>-4.0</b>       | <b>-3.4</b>       |               |                   |                   |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2014.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

JADUAL 4.10

**Kedudukan Kewangan PABK Disatukan<sup>1</sup>  
2012 – 2013**

|                          | RM juta        |                   | Perubahan (%) |                   |
|--------------------------|----------------|-------------------|---------------|-------------------|
|                          | 2012           | 2013 <sup>2</sup> | 2012          | 2013 <sup>2</sup> |
| Hasil                    | 420,109        | 404,488           | 19.6          | -3.7              |
| Perbelanjaan semasa      | 351,623        | 371,205           | 17.8          | 5.6               |
| <b>Lebihan semasa</b>    | <b>68,486</b>  | <b>33,282</b>     |               |                   |
| Perbelanjaan pembangunan | 84,042         | 126,234           | 69.9          | 50.2              |
| <b>Baki keseluruhan</b>  | <b>-15,556</b> | <b>-92,952</b>    |               |                   |
| <b>% daripada KDNK</b>   | <b>-1.7</b>    | <b>-9.4</b>       |               |                   |

<sup>1</sup> Merujuk kepada 30 PABK utama.<sup>2</sup> Anggaran disemak.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

kesan kepada keberuntungan PABK pada 2013. Walau bagaimanapun, PABK komited meneruskan rancangan perniagaan dan aktiviti pelaburan untuk kekal berdaya saing, meningkatkan nilai pemegang saham dan menambah prospek hasil jangka panjang. Kedudukan kewangan PABK disatukan dijangka mencatat defisit lebih tinggi RM93 bilion (2012: -RM15.6 bilion), berikutan perbelanjaan modal yang tinggi berbanding hasil yang berkurangan.

Hasil PABK disatukan dijangka menguncup 3.7% kepada RM404.5 bilion (2012: 19.6%; RM420.1 bilion) walaupun terdapat pertumbuhan stabil dalam telekomunikasi dan aktiviti berkaitan perdagangan; pulangan pelaburan dan pembangunan hartanah yang mampan; aktiviti pembinaan yang terus berkembang; peningkatan bilangan penumpang kereta api dan kapal terbang; serta jualan kenderaan dan tenaga elektrik. Perkembangan kukuh dalam aktiviti perniagaan dan komersial dicerminkan oleh peningkatan kos operasi, dengan perbelanjaan semasa dijangka berkembang 5.6% kepada RM371.2 bilion (2012: 17.8%; RM351.6 bilion) terutamanya disebabkan oleh kos bahan mentah, bahan api, sewaan, utiliti, pemasaran, kos berkaitan kakitangan serta pembaikan dan penyelenggaraan. Selain itu, PABK terus membuat pelaburan besar

bagi meningkatkan kualiti penyampaian produk dan perkhidmatan. Walaupun langkah berterusan telah diambil bagi meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti, pertumbuhan perbelanjaan semasa PABK dijangka meningkat, mengatasi pertumbuhan hasil menyebabkan lebihan akaun semasa ketara lebih rendah kepada RM33.3 bilion (2012: RM68.5 bilion).

Selaras dengan keperluan untuk menjamin pendapatan pada masa hadapan dan memanfaatkan peluang pelaburan di dalam dan luar negeri, perbelanjaan pembangunan PABK dijangka meningkat ketara 50.2% kepada RM126.2 bilion (2012: 69.9%; RM84 bilion). Walaupun ketidakpastian sektor luar dan persekitaran operasi yang kompetitif, PABK dijangka kekal berdaya tahan dalam bidang khusus, setelah membina kepakaran dalam perniagaan serta melalui program transformasi. PABK telah mencipta nama di luar negeri dalam sektor seperti O&G, penjanaan kuasa, telekomunikasi, pembinaan dan hartanah.

Pelaburan di dalam dan luar negeri terutamanya adalah untuk peningkatan kapasiti kemudahan baharu dan sedia ada; pembangunan produk dan perkhidmatan; serta meneroka perniagaan baharu. Pelaburan domestik, iaitu 64% (2012: 61.5%) daripada perbelanjaan modal dijangka meningkat ketara 56.3% kepada RM80.8 bilion (2012: 43.5%; RM51.7 bilion). Sebahagian besar pelaburan modal adalah dalam sektor O&G; penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga; pembangunan harta tanah; perladangan; perumahan; infrastruktur jalan raya, rel bandar dan udara; pengangkutan awam; dan telekomunikasi. Komitmen utama yang sedang dalam perlaksanaan termasuk terminal regasifikasi gas asli cecair (LNG) di Melaka, pembinaan MRT dari Sungai Buloh ke Kajang; penyambungan LRT aliran Kelana Jaya – Ampang ke Putra Heights; pembinaan KLIA2; penaiktarafan infrastruktur dan teknologi telekomunikasi; dan pembangunan hartanah di Iskandar Malaysia.

PABK menyumbang secara signifikan kepada ekonomi melalui penglibatan dalam pembentukan modal kasar; pewujudan peluang pekerjaan; peningkatan kemahiran dan latihan; serta

JADUAL 4.11

### Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2012 – 2014

|                                | RM juta        |                   |                   | Perubahan (%) |                   |                   |
|--------------------------------|----------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------------|-------------------|
|                                | 2012           | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> | 2012          | 2013 <sup>1</sup> | 2014 <sup>2</sup> |
| Hasil                          | 189,092        | 201,426           | 204,899           | 17.7          | 6.5               | 1.7               |
| Perbelanjaan mengurus          | 226,009        | 238,599           | 239,715           | 15.2          | 5.6               | 0.5               |
| Lebihan semasa PABK            | 129,437        | 82,898            | 97,860            | 21.0          | -36.0             | 18.0              |
| <b>Baki semasa sektor awam</b> | <b>92,520</b>  | <b>45,725</b>     | <b>63,044</b>     |               |                   |                   |
| Perbelanjaan pembangunan       | 134,853        | 178,657           | 162,519           | 33.2          | 32.5              | -9.0              |
| Sektor kerajaan                | 50,811         | 52,423            | 52,971            | -1.9          | 3.2               | 1.0               |
| PABK                           | 84,042         | 126,234           | 109,548           | 33.2          | 50.2              | -13.2             |
| <b>Baki keseluruhan</b>        | <b>-42,333</b> | <b>-132,931</b>   | <b>-99,475</b>    |               |                   |                   |
| <b>% daripada KDNK</b>         | <b>-4.5</b>    | <b>-13.5</b>      | <b>-9.4</b>       |               |                   |                   |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2014.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

pembangunan bidang khusus dan syarikat kecil. Walau bagaimanapun, Kerajaan secara berperingkat akan melupuskan kepentingannya dalam aset PABK yang bukan teras untuk memberi peluang pelaburan kepada sektor swasta.

## Sektor Awam Disatukan

### *Komitmen perbelanjaan lebih tinggi*

Kedudukan kewangan sektor awam disatukan merangkumi akaun sektor kerajaan dan PABK selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih. Pada 2013, kedudukan kewangan sektor awam dijangka mencatatkan lebihan semasa lebih rendah kepada RM45.7 bilion (2012: RM92.5 bilion) terutamanya disebabkan pengurangan ketara 36% (2012: 21%) dalam lebihan semasa PABK. Keadaan ini disebabkan oleh hasil yang lebih rendah dalam persekitaran luar yang mencabar serta peningkatan kos operasi. Ditambah pula dengan pelan pelaburan yang lebih tinggi oleh PABK, kedudukan kewangan sektor awam dijangka merekodkan defisit keseluruhan yang tinggi kepada RM132.9 bilion atau 13.5% daripada KDNK (2012: -RM42.3 bilion; -4.5%).

## Prospek 2014

### *Defisit fiskal lebih rendah*

Momentum aktiviti ekonomi global dijangka meningkat dengan pertumbuhan ekonomi membangun berkembang pesat yang stabil. Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh antara 5% – 5.5%, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan sektor luar yang bertambah baik. Permintaan swasta dijangka mengukuh disebabkan harga komoditi dan pasaran buruh yang stabil, akses kepada kredit yang lebih meluas dan aktiviti pelaburan sektor awam yang mampan.

Pembaharuan fiskal akan diteruskan secara bijaksana dengan panduan dan komitmen daripada FPC yang tinggi, tanpa menjejaskan pertumbuhan. Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada 2014 dijangka mendatar pada RM262.2 bilion, sejajar dengan usaha bersepadu untuk menggalakkan perbelanjaan berhemat. Walau bagaimanapun, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada RM224.1 bilion berikutan aktiviti ekonomi yang lebih pesat dalam semua sektor serta pentadbiran

cukai dan kutipan hasil yang lebih cekap. Oleh yang demikian, konsolidasi fiskal akan lebih teratur, dengan defisit dijangka terus menurun kepada 3.5% daripada KDNK pada 2014.

Pembaharuan struktur adalah penting untuk menjana pertumbuhan yang lebih tinggi melalui pengukuhan daya saing ekonomi; peningkatan produktiviti buruh; penggunaan automasi dan teknologi terkini; serta penerapan budaya inovasi secara menyeluruh. Bajet 2014 akan menggalakkan usaha untuk meningkatkan pertumbuhan berkualiti dan daya tahan ekonomi. Sumber fiskal akan ditumpukan ke arah menggiatkan pelaburan dalam sektor yang disasarkan; mengukuhkan pengurusan fiskal untuk ruang dasar; memperkasakan pembangunan modal insan untuk memajukan negara; dan menambah baik penyampaian perkhidmatan untuk memenuhi cabaran persekitaran kerja yang dinamik. Keutamaan juga akan diberi untuk memastikan kesejahteraan rakyat yang berterusan.

Bajet 2014 akan memberi tumpuan kepada langkah untuk menggalakkan pelaburan bernilai tambah tinggi; mempercepatkan pembangunan koridor dan wilayah; meningkatkan potensi PKS; mengkomersialkan penemuan R&D; serta melabur dalam pembangunan modal insan. Budaya bekerja lebih kuat, cepat dan cekap dengan sumber yang sama atau kurang akan dipupuk dalam penyampaian perkhidmatan awam. Kerjasama antara agensi Kerajaan akan digalakkan, begitu juga dengan sektor swasta dan masyarakat untuk mencapai objektif yang sama. Kerjasama ini boleh dilaksanakan dengan cepat, pada kos yang minimum dan mudah dipraktikkan di seluruh negara. Lebih penting lagi, program akan menjadi mampan kerana pelbagai pihak berkepentingan berusaha untuk mencapai hasil yang dikongsi bersama.

Ke arah menggalakkan akauntabiliti dan ketelusan kewangan yang lebih baik dalam perkhidmatan awam, cadangan Ketua Audit Negara akan diterapkan ke dalam sistem dan proses kerja perolehan barangan dan perkhidmatan. Selain itu, fungsi audit dalam agensi Kerajaan diperkukuhkan untuk mengelakkan ketirisan, pembaziran

dan kecuai. Sementara itu, langkah untuk meningkatkan hasil Kerajaan adalah termasuk kajian komprehensif ke atas insentif cukai sedia ada kepada industri bagi memastikan galakan adalah bagi pelaburan yang berkualiti dalam sektor yang disasarkan. Menyedari bahawa dasar yang menyokong perniagaan adalah penting bagi merancakkan sektor swasta dalam persekitaran global yang berdaya saing, Kerajaan juga akan melaksanakan kajian menyeluruh ke atas sistem percukaian.

Bajet 2014 akan menyediakan peruntukan yang besar bagi projek di bawah RP, NKEA (RM2.8 bilion) dan SRI (RM219 juta). Sementara itu, Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 yang kini dalam fasa kedua (2013-2015) akan diberikan RM4 bilion bagi program di bawah tujuh NKRA. Sejumlah RM4 bilion juga diperuntukkan untuk projek strategik baharu dan sedang dilaksanakan yang mempunyai kesan pengganda yang besar di bawah Dana Fasilitasi.

Selaras dengan usaha untuk memastikan sasaran fiskal 2014 dicapai, **perbelanjaan mengurus** dijangka berkembang lebih perlahan, iaitu 0.7% kepada RM217.7 bilion. Daripada jumlah ini, RM1.6 bilion diperuntukkan untuk inisiatif pembaharuan, dengan agihan kepada NKRA (RM1.1 bilion), NKEA (RM231 juta), SRI (RM23 juta) dan NBOS (RM278 juta). Di bawah inisiatif pembaharuan, sebahagian besar peruntukan disediakan bagi pendidikan; pengurangan jenayah; pelancongan; dan aktiviti penjanaan pendapatan untuk isi rumah berpendapatan rendah. Perniagaan kecil, peruncit dan koperasi akan diberi bantuan untuk memodenkan operasi mereka dan menjadi sebahagian daripada rangkaian pengedaran tempatan. Sementara itu, program NBOS diberi rangsangan untuk menggalakkan cara baharu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

**Emolumen** akan diberikan jumlah yang lebih tinggi sebanyak RM63.6 bilion disebabkan oleh pertambahan gaji kakitangan awam dan Angkatan Tentera berikutan kenaikan gaji pada Julai 2013. Peruntukan bagi perbelanjaan tanggungan dan kenaan tetap seperti **bayaran khidmat**

**hutang** (RM23.2 bilion), **pencen dan ganjaran** (RM15.7 bilion) serta geran dan **pindahan kepada kerajaan negeri** (RM6.7 bilion) dan **badan berkanun** (RM16.3 bilion) juga meningkat disebabkan oleh pertambahan komitmen.

Sementara itu, **bekalan dan perkhidmatan** serta **perolehan aset** diperuntukkan sebanyak RM36.6 bilion dan RM1.4 bilion bagi memastikan perkhidmatan awam berupaya memenuhi tahap perkhidmatan kepada masyarakat yang semakin bijak menilai. Budaya selenggara akan terus dipupuk untuk memastikan aset awam diselenggara dengan baik dan digunakan sepenuhnya. Jumlah peruntukan subsidi merangkumi pelbagai subsidi (RM27.6 bilion), insentif (RM884 juta) dan program bantuan sosial (RM10.9 bilion) akan berkurangan sebanyak 15.6% kepada RM39.4 bilion atau 18.1% daripada perbelanjaan mengurus. Pengurangan ini adalah berikutan peruntukan subsidi bahan api yang lebih rendah (RM22.3 bilion) disebabkan oleh harga produk petroleum bertapis yang dijangka sederhana kerana permintaan global yang lembap. Walau bagaimanapun, subsidi bahan api yang merangkumi 10.3% daripada perbelanjaan mengurus, kekal sebagai komponen terbesar subsidi. Komponen utama yang lain termasuk skim subsidi berkaitan padi (RM1 bilion); perbezaan kadar faedah termasuk pinjaman untuk pendidikan tinggi dan pelbagai skim pembiayaan strategik (RM1.7 bilion); pampasan tol (RM461 juta); skim penstabilan minyak masak (RM1 bilion); dan insentif untuk meningkatkan pengeluaran makanan (RM884 juta). Program bantuan sosial termasuk biasiswa dan pelbagai program untuk membantu masyarakat orang asli; golongan miskin tegar, bandar dan luar bandar; orang kelainan upaya; dan warga emas.

**Perbelanjaan pembangunan** akan diperuntukkan jumlah yang lebih rendah kepada RM44.5 bilion atau 17% daripada jumlah perbelanjaan pada tahun 2014, selaras dengan keperluan perbelanjaan kementerian dan agensi kerajaan. Peruntukan ini termasuk pembiayaan untuk pelaksanaan projek di bawah RP serta inisiatif di bawah NKRA (RM2.9 bilion), NKEA (RM2.6 bilion) dan SRI (RM196 juta). NKRA RBI diperuntukkan RM2.6 bilion, UPT (RM168 juta) dan pendidikan

(RM107 juta) yang merangkumi 98% daripada peruntukan keseluruhan NKRA. Sementara itu, inisiatif NKEA akan memberi tumpuan terutamanya kepada Greater KL/KV (RM1.1 bilion), pertanian (RM634 juta), kelapa sawit dan getah (RM390 juta) dan pendidikan (RM202 juta) serta kandungan dan infrastruktur komunikasi (RM181 juta). Bagi SRI, keutamaan diberikan kepada program merentasi agensi dalam kewangan awam (RM184 juta) dan pembangunan modal insan (RM7 juta).

**Sektor perkhidmatan ekonomi** akan diperuntukkan jumlah terbesar sebanyak RM28.8 bilion atau 64.8% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan pada 2014. Tumpuan akan diberi kepada pembangunan *pengangkutan dan infrastruktur* (RM8.7 bilion). Projek utama yang dirancang pada 2014 termasuk pembinaan *Bypass* dan *Feeder Road* Kuala Terengganu (Fasa 3) serta penaiktarafan jalan dari Gambang, Pahang ke Segamat, Johor (Fasa 1) dan Lebuh raya Pulau Indah. Sementara itu, inisiatif untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam, kemudahan dan perhubungan akan diperkukuhkan. Menyedari bahawa akses fizikal adalah penting untuk merencanakan aktiviti ekonomi, pembinaan jalan raya dan jambatan di kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak akan disediakan peruntukan berjumlah RM4.7 bilion. Pembangunan infrastruktur di Johor Selatan akan dinaik taraf untuk meningkatkan daya tarikan sebagai hab pelaburan pelbagai sektor.

Sumber fiskal akan digunakan, antara lain, untuk mengukuhkan aktiviti ekonomi domestik berikutan ketidaktentuan berlarutan dalam ekonomi global melalui peruntukan sebanyak RM5.8 bilion untuk *subsektor perdagangan dan industri*. Peruntukan besar disediakan untuk membina kapasiti dan keupayaan; menggalakkan inovasi dan keusahawanan; dan membangunkan kemahiran dalam industri (RM5.4 bilion). PKS berpotensi untuk menyumbang kepada ekonomi tempatan dan akan terus diberi bantuan teknikal, khidmat nasihat serta kewangan untuk membolehkan mereka memperbaiki kedudukan dalam rantaian nilai seterusnya menjadi sebahagian daripada rangkaian bekalan global (RM128 juta). Bagi memudahkan pengembangan pelaburan sedia ada dan menarik usaha niaga baru di peringkat

negeri, kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian di seluruh negara akan dinaik taraf. Akses kepada dana untuk pembelian dan pengkomersialan teknologi serta R&D dalam sektor yang digalakkan juga akan disediakan (RM24 juta). Pembangunan lima koridor (RM1.6 bilion) akan terus digalakkan bagi menarik pelaburan dalam bidang yang disasarkan. Subsektor pelancongan akan diberi rangsangan (RM312 juta) untuk membangunkan produk baru, ikonik dan khusus serta menaik taraf kemudahan pelancongan sedia ada. Pemasaran dan promosi TMM 2014 akan diberi tumpuan dan dipergiatkan untuk menarik lebih ramai pelancong yang berbelanja tinggi. Begitu juga, Pulau Langkawi akan kekal dalam kalendar pelancongan tahunan sebagai destinasi pelancongan yang digemari (RM135 juta). Kira-kira 28 juta pelancong dijangka melawat Malaysia pada 2014, menjana RM76 bilion dalam tukaran asing.

Penyediaan kemudahan awam seperti bekalan air, elektrik dan perkhidmatan pembentungan, terutamanya di kawasan luar bandar, akan diberi keutamaan. Ke arah ini, *subsektor kemudahan awam, tenaga dan komunikasi* diperuntukkan RM3.7 bilion untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sebanyak RM50 juta juga akan dibelanjakan untuk menaik taraf infrastruktur jalur lebar di bandar serta kawasan pertumbuhan tinggi dan perindustrian untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti perniagaan.

Inisiatif untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan pertanian akan dipercepatkan melalui kaedah pertanian moden, pengkomersialan output R&D serta penggalakan aktiviti nilai tambah yang tinggi untuk menjadikan pertanian sebagai sektor yang menarik dan lumayan. Bagi merealisasikan matlamat ini, *subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar* akan diperuntukkan RM3.1 bilion. Perkhidmatan pengembangan pertanian akan diperkukuhkan secara berterusan, manakala akses kepada kredit dipermudahkan untuk memperbaiki kedudukan masyarakat tani (RM21 juta). Sementara itu, aktiviti R&D akan diperkukuh untuk meningkatkan kualiti, mempelbagaikan produk serta memasarkan output dengan lebih berkesan.

Sejumlah RM10.6 bilion atau 23.8% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan diperuntukkan kepada **sektor perkhidmatan sosial** bagi bidang kritikal seperti pendidikan dan latihan, kesihatan, perkhidmatan kebajikan dan perumahan. Bagi memenuhi permintaan tenaga kerja yang menguasai pelbagai bahasa, berkemahiran tinggi, kreatif dan inovatif dengan sikap yang betul, *subsektor pendidikan dan latihan* disediakan jumlah terbesar sebanyak RM4.9 bilion atau 11% daripada perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah ini, pendidikan rendah dan menengah disediakan RM1.1 bilion; pendidikan tinggi (RM2.3 bilion); dan program latihan industri, kemahiran dan pengurusan (RM681 juta). Selain itu, pendidikan pra-sekolah (RM1 juta) akan dipertingkatkan untuk menyediakan asas yang kukuh kepada kanak-kanak untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Lebih daripada 470 institusi perindustrian dan vokasional, politeknik dan kolej komuniti dengan enrolmen kira-kira 120,000 penuntut akan terus dinaik taraf dan dilengkapi untuk menangani ketidakpadanan kemahiran dan kekurangan kemahiran dalam industri tertentu. Pada 2014, sembilan institusi latihan kemahiran baharu, politeknik serta sekolah vokasional dan teknik telah dirancang.

Kerajaan akan memastikan akses yang lebih luas kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan berpatutan di bandar dan luar bandar. Oleh itu, *subsektor kesihatan* diberi peruntukan kedua terbesar sebanyak RM1.7 bilion untuk membina, menaik taraf, dan melengkapkan hospital dan klinik termasuk pembesaran Hospital Jeli dan Kuala Lipis, manakala hospital baharu dirancang di Tanjong Karang. Sebanyak 50 Klinik 1Malaysia baharu dijadualkan akan beroperasi pada akhir 2014, menjadikan jumlah Klinik 1Malaysia yang beroperasi kepada 284 untuk memberi perkhidmatan yang lebih luas.

Penyampaian perkhidmatan, infrastruktur dan kemudahan di peringkat majlis tempatan dan di kawasan luar bandar akan terus dipertingkatkan (RM2 bilion). Peruntukan tersebut adalah untuk pengurusan sisa pepejal sebanyak RM223 juta, projek kecil (RM297 juta), perkhidmatan bomba

dan penyelamat (RM202 juta) serta perkhidmatan kebajikan untuk warga emas dan miskin. Projek dan program yang memberi latihan kemahiran hidup dan menggalakkan aktiviti ekonomi akan dilaksanakan untuk memperkasa golongan miskin luar bandar secara berterusan. Sementara itu, untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar luar bandar, program menjana pendapatan seperti skim agropolitan di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar (RM285 juta) akan diperkukuhkan.

Akses kepada rumah mampu milik, semakin menjadi perhatian terutamanya di bandar. Sejumlah RM506 juta diperuntukkan bagi membina PPR Dimiliki, Disewa dan Bersepadu, manakala RM138 juta akan dibelanjakan untuk penyelenggaraan projek perumahan awam. Sementara itu, PR1MA, yang menampung keperluan perumahan bagi golongan berpendapatan sederhana dijangka melancarkan 80,000 unit rumah yang dijangka siap untuk pemilikan mulai 2015 (RM400 juta). Keselamatan negara dan ketenteraman awam akan ditangani secara komprehensif melalui peruntukan sebanyak RM4 bilion kepada **sektor keselamatan**. Antara lain, jumlah ini termasuk peruntukan bagi meningkatkan kebolehlihatan polis dan pemantauan di kawasan jenayah tinggi seperti yang digariskan di bawah NKRA untuk mengurangkan jenayah (RM44 juta). **Pentadbiran am** akan diperuntukkan sebanyak RM1.1 bilion untuk penambahbaikan berterusan dalam penyampaian perkhidmatan awam melalui pengkomputeran jabatan Kerajaan, meluaskan penggunaan aplikasi ICT serta membina, menambah baik dan menyelenggara kemudahan dan aset Kerajaan.

**Hasil** Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada RM224.1 bilion seiring dengan aktiviti pelaburan dan penggunaan domestik yang berkembang kukuh serta hasil daripada sektor

luar yang bertambah baik. **Hasil cukai** dijangka meningkat 5.2% kepada RM172 bilion disokong oleh pendapatan korporat yang kukuh; akses berterusan kepada pembiayaan; keadaan pasaran buruh yang menggalakkan; dan peningkatan pendapatan boleh guna. Semua komponen hasil cukai, kecuali PITA, dijangka mencatat pertumbuhan positif. Walaupun pengeluaran yang lebih tinggi dan permintaan kukuh dari negara seperti Australia, India, Thailand, Republik Korea dan China, hasil daripada PITA dijangka merosot sebanyak 7.3% kepada RM28.3 bilion disebabkan oleh harga minyak mentah yang lebih rendah.

Sementara itu, **hasil bukan cukai** yang sebahagian besarnya terdiri daripada pendapatan pelaburan, lesen, fi pendaftaran dan permit dijangka lebih rendah pada RM52.1 bilion. Walau bagaimanapun, pendapatan dividen daripada PETRONAS (RM27 bilion), BNM (RM1.5 bilion) dan Khazanah (RM500 juta) akan kekal stabil, manakala royalti petroleum dijangka merosot (RM5.7 bilion), selari dengan penurunan PITA. Kerajaan akan terus memperkukuhkan pentadbiran cukai dan meningkatkan pematuhan dalam kalangan pembayar cukai untuk menambah kutipan hasil.

Kerajaan terus komited untuk melaksanakan dasar fiskal yang kukuh serta menyokong pertumbuhan ekonomi dan inisiatif pembaharuan yang sangat penting untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi. Sasaran hutang dan defisit fiskal akan dicapai, sementara kaedah dan peraturan perbelanjaan, kutipan hasil dan pengurusan hutang dipantau rapi. Tadbir urus yang baik, institusi fiskal yang kukuh, pengurusan kewangan yang berhemat dan pembaharuan fiskal yang teratur dan jelas akan memastikan kewangan sektor awam yang utuh serta meningkatkan keyakinan pasaran.

